



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



BANCI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN

**Menelusuri Rantaian Pertanian
Malaysia dari Hulan ke Hiliran**
*Unveiling Malaysia's Agricultural Value Chain
from Upstream to Downstream*

Getah
Rubber

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

MENELUSURI RANTAIAN PERTANIAN MALAYSIA DARI HULUAN KE HILIRAN **GETAH**

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal

<https://open.dosm.gov.my>



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	:	StatsMalaysia
E-mel	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
	:	data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)
Harga	:	RM80.00

Diterbitkan pada Mei 2025

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISBN 978-967-253-909-4

KATA PENGANTAR

Penerbitan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia dari Huluhan ke Hiliran memaparkan perjalanan komoditi pertanian dari peringkat awal hingga pengguna akhir. Penerbitan ini merupakan inisiatif penting dalam memahami ekosistem pertanian negara secara menyeluruh, merangkumi aspek huluhan dan hiliran. Ini dapat memberikan gambaran menyeluruh mengenai kecekapan, cabaran dan peluang dalam rantai nilai Pertanian serta kepentingan sektor Pertanian dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Penerbitan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia dari Huluhan ke Hiliran merangkumi 19 buku meliputi Sorotan Aktiviti Pertanian, Guna Tenaga dan Gaji & Upah, Import Pertanian, Margin Pasaran dan Kesan Pengganda Terhadap Ekonomi termasuk komoditi Kelapa sawit, Getah, Koko, Lada, Kayu, Kopi, Padi, Ayam & Telur, Lembu & Kambing, Perikanan, Sayur-sayuran, Buah-buahan, Kelapa dan Ubi kayu. Setiap penerbitan yang dimuatkan memberikan maklumat penting mengenai pengeluaran, pemprosesan, pemasaran serta daya saing sektor pertanian.

Penerbitan ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pembuat dasar, penyelidik, pemain industri, dan masyarakat umum dalam merangka strategi pembangunan sektor pertanian yang lebih mampan dan berdaya saing. Pemahaman mendalam mengenai rantai nilai pertanian dapat memperkuat ekosistem pertanian dan memastikan kemampanan berterusan sektor ini kepada ekonomi serta kesejahteraan rakyat Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024

Mei 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

KANDUNGAN

Muka surat

Kata Pengantar	iii
Senarai Jadual	vi
Senarai Singkatan	viii
Ringkasan Eksekutif	ix
Pengenalan	1
Segmen Huluhan	3
Segmen Hiliran (Pembuatan)	11
Segmen Hiliran (Perdagangan Borong)	25
Segmen Perdagangan Antarabangsa	41
Prospek Masa Hadapan	47
Jadual Statistik	71
Nota Teknikal	121
Rujukan	128

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1:	Keluasan Kawasan Tanaman dan Pengeluaran Getah, Malaysia, 1970-2023	79
Jadual 2:	Keluasan Tanaman Getah Mengikut Jenis Pemilikan, 1970-2023	81
Jadual 3:	Pengeluaran Getah Asli Mengikut Jenis Pemilikan, 1970-2023	82
Jadual 4:	Keluasan Tanaman Getah Mengikut Wilayah, Malaysia, 2000-2023	83
Jadual 5:	Pengeluaran Getah Asli Mengikut Wilayah, Malaysia, 2000-2023	84
Jadual 6:	Statistik Utama Industri Estet Getah, Malaysia, 2000, 2015 dan 2022	85
Jadual 7:	Statistik Utama Industri Pembuatan Produk Getah, Malaysia, 1970-2022	85
Jadual 8:	Statistik Utama Pembuatan Produk Getah Mengikut Jenis Produk, Malaysia, 1970-2022	86
Jadual 9:	Penggunaan Domestik Getah Asli Mengikut Industri, Malaysia, 1985-2023	88
Jadual 10:	Pengeluaran Pembuatan Produk Getah Mengikut Aktiviti, Malaysia, 1975-2023	92
Jadual 11:	Nilai Jualan Pembuatan Produk Getah, 1990-2023	97
Jadual 12:	Statistik Utama Industri Perdagangan Borong Getah, Malaysia, 2008, 2013, 2018 dan 2022	98
Jadual 13:	Harga Purata Getah Asli, 1975-2023	99
Jadual 14:	Eksport Getah Asli, 1970-2023	100
Jadual 15:	Eksport Getah Asli Mengikut Negara Dituju, 2010-2023	101
Jadual 16:	Eksport Getah Asli Mengikut Jenis Terpilih, 1970-2023	104

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 17:	Nilai Eksport Produk Getah Terpilih, 2010-2023	106
Jadual 18:	Nilai Eksport Sarung Tangan Getah Mengikut Negara Dituju, 2010-2023	108
Jadual 19:	Import Getah Asli, 1970-2023	110
Jadual 20:	Import Getah Asli Mengikut Negara Asal, 2010-2023	111
Jadual 21	Import Getah Asli Mengikut Jenis Terpilih, 1970-2023	114
Jadual 22	Nilai Import Produk Getah Terpilih, 2010-2023	116
Jadual 23	Statisitk Getah Negara Terpilih, 2000, 2005 dan 2010-2022	118

SENARAI SINGKATAN

AI	Kecerdasan Buatan
AFTA	Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN
ANRPC	Association of Natural Rubber Producing Countries
CMA	CupLump Modified Asphalt
DAKN	Dasar Agrikomoditi Negara
DKN	Dasar Komoditi Negara
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
DPN	Dasar Pertanian Nasional
ESG	Environmental, Social and Governance
ETP	Program Transformasi Ekonomi
GAB	Getah Asap Berbunga
GMM	Getah Mutu Malaysia
ILO	International Labour Organization
IMP3	Pelan Induk Perindustrian Ketiga
IPG	Insentif Pengeluaran Getah
IoT	Internet of Things
IRSG	International Rubber Study Group
KPK	Kementerian Perlindungan dan Komoditi
LFTS	Sistem Penorehan Frekuensi Rendah
LGM	Lembaga Getah Malaysia
MCFTA	Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-China
MRB	Malaysia Rubber Board
MRC	Majlis Getah Malaysia
MSNR	Getah Asli Mampan Malaysia
PENJANA	Pelan Pemulihan Ekonomi Negara
RAOT	Rubber Authority of Thailand
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RM	Ringgit Malaysia
TBSP	Program Penanaman Semula Getah
VRG	VietNam Rubber Group
WTO	World Trade Organization

RINGKASAN EKSEKUTIF

Penerbitan Menelusuri Rantaian Pertanian Malaysia dari Huluhan ke Hiliran Getah bertujuan memberikan gambaran komprehensif mengenai industri getah di Malaysia dengan menekankan hubungan antara setiap segmen dalam rantai nilai. Statistik yang dibentangkan merangkumi segmen huluhan yang melibatkan aktiviti penanaman pokok getah dan pengeluaran getah asli. Sementara itu, segmen hiliran merangkumi pemprosesan getah kepada produk separa siap seperti lateks pekat dan getah beku serta penghasilan produk akhir seperti sarung tangan, tiub, hos dan tayar yang memenuhi permintaan pasaran domestik dan antarabangsa. Penerbitan ini menampilkan kesinambungan serta kaitan antara setiap segmen, sekaligus membantu memahami sumbangan setiap segmen kepada ekonomi negara, nilai tambah yang dihasilkan serta cabaran dan peluang yang wujud dalam industri ini.

Industri getah memainkan peranan penting dalam merangsang pembangunan sektor agrikomoditi, memacu aktiviti pembuatan produk getah serta memperkukuh prestasi eksport berasaskan getah. Namun begitu, industri ini turut berdepan cabaran seperti penurunan keluasan dan hasil pengeluaran domestik, kebergantungan terhadap buruh asing, ketidakstabilan harga getah di pasaran dunia serta isu ketidakcekapan dalam rantai bekalan yang menjejaskan daya saing industri secara keseluruhan.

Statistik berkaitan segmen huluhan menunjukkan keluasan bertanam getah di Malaysia mencecah 2.0 juta hektar pada tahun 1970 sebelum menurun kepada 0.96 juta hektar pada tahun 2005 dan 2006. Begitu juga dengan pengeluaran getah asli, yang pernah merekodkan pengeluaran tertinggi 1.7 juta tan metrik pada tahun 1988, kini merosot kepada sekitar 347.9 ribu tan pada tahun 2023. Penurunan ini memberi tekanan kepada rantai nilai apabila kapasiti pemprosesan dan pembuatan tempatan terpaksa bergantung kepada import bahan mentah daripada negara jiran seperti Thailand dan Indonesia.

Sementara itu, segmen hiliran menyaksikan pertumbuhan positif dalam pengilangan produk berasaskan getah. Nilai output kasar sektor pembuatan getah meningkat daripada RM103.6 juta pada tahun 1970 kepada RM72.6 bilion pada tahun 2022. Nilai ditambah juga menunjukkan pertumbuhan yang kukuh, mencatatkan RM51.9 bilion pada tahun 2022 dengan kadar pertumbuhan tahunan sekitar 12.5 peratus sejak tahun 1970. Pengeluaran produk seperti sarung tangan getah mencatatkan lonjakan ketara, menyumbang kepada nilai eksport getah Malaysia yang mencapai RM54.8 bilion pada tahun 2021, berbanding RM8.9 bilion pada tahun 2010.

Secara keseluruhannya, industri getah terus menjadi penyumbang utama kepada sektor pertanian dan pembuatan negara. Namun, ketidakseimbangan antara segmen hulu dan hiliran khususnya kebergantungan tinggi terhadap import bahan mentah perlu ditangani. Oleh itu, strategi yang lebih mampan dan menyeluruh perlu dirangka untuk memperkukuhkan segmen hulu, meningkatkan hasil pengeluaran, mempelbagaikan produk hiliran serta menstabilkan rantai nilai getah. Langkah-langkah ini diharapkan dapat memastikan industri getah Malaysia terus berdaya saing dan berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran global.



EXECUTIVE SUMMARY

The publication Unveiling Malaysia's Agricultural Value Chain from Upstream to Downstream Rubber aims to provide a comprehensive overview of the rubber industry in Malaysia by emphasising the linkages between each segment of the value chain. The statistics presented cover the upstream segment, which involves the cultivation of rubber trees and the production of natural rubber. Meanwhile, the downstream segment includes the processing of rubber into semi-finished products such as concentrated latex and block rubber, as well as the manufacturing of final products such as gloves, tubes, hoses, and tyres to meet both domestic and international market demand. This publication highlights the continuity and interconnection between each segment, thereby facilitating a better understanding of each segment's contribution to the national economy, the value added generated, and the challenges and opportunities present within the industry.

The rubber industry plays a vital role in driving the development of the agricommodity sector, stimulating rubber-based manufacturing activities, and strengthening the performance of rubber-related exports. However, the industry also faces challenges such as the decline in planted area and domestic production, heavy reliance on foreign labour, price volatility in the global rubber market, and inefficiencies in the supply chain that undermine the overall competitiveness of the industry.

Upstream segment statistics show that Malaysia's rubber planted area peaked at 2.0 million hectares in 1970, before declining to 0.96 million hectares in 2005 and 2006. Similarly, natural rubber production, which recorded its highest output of 1.7 million tonnes in 1988, fell to approximately 347.9 thousand tonnes in 2023. This decline has placed pressure on the value chain, as local processing and manufacturing capacity has become increasingly dependent on raw material imports from neighbouring countries such as Thailand and Indonesia.

On the other hand, the downstream segment has experienced positive growth in the manufacturing of rubber-based products. The gross output value of the rubber manufacturing sector rose from RM103.6 million in 1970 to RM72.6 billion in 2022. Value added also recorded robust growth, reaching RM51.9 billion in 2022, with an average annual growth rate of approximately 12.5 per cent since 1970. The production of products such as rubber gloves saw a significant surge, contributing to Malaysia's rubber export value, which rose to RM54.8 billion in 2021, compared to RM8.9 billion in 2010.

Overall, the rubber industry remains a key contributor to the national agriculture and manufacturing sectors. However, the imbalance between the upstream and downstream segments, particularly the high dependency on imported raw materials, must be addressed. Therefore, more sustainable and holistic strategies are needed to strengthen the upstream segment, increase production yields, diversify downstream products, and stabilise the rubber value chain. These measures are expected to ensure that Malaysia's rubber industry remains competitive and adaptable in the face of global market changes.



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

STATISTIK TERPILIH RANTAIAN INDUSTRI GETAH

HULUAN¹

 Nilai Output Kasar (RM juta)		 Nilai Input Perantaraan (RM juta)		 Nilai Ditambah (RM juta)	
2022	665.3	2022	317.6	2022	436.9
2010	1,111.2	2010	252.8	2010	858.4

HILIRAN (PEMBUATAN)¹

 Nilai Output Kasar (RM juta)		 Nilai Input Perantaraan (RM juta)		 Nilai Ditambah (RM juta)	
2022	84,294.5	2022	62,035.7	2022	22,258.8
2010	30,565.3	2010	25,153.5	2010	5,411.8

HILIRAN (PERDAGANGAN BORONG)²

 Nilai Output Kasar (RM juta)		 Nilai Input Perantaraan (RM juta)		 Nilai Ditambah (RM juta)	
2022	2,278.8	2022	1,385.1	2022	893.7
2013	2,247.8	2013	1,515.5	2013	732.3

PERDAGANGAN ANTARABANGSA³

 Import (RM juta)	 Eksport (RM juta)		
2022	7,243.8	2022	4,592.3
2010	5,770.6	2010	9,210.1

Sumber:

¹Banci Ekonomi, DOSM

²Banci Ekonomi dan Banci Perdagangan Edaran, DOSM

³Kementerian Perlindungan dan Komoditi

Segmen Hulan merujuk kepada nilai daripada pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti Pertanian merangkumi penanaman dan Pengeluaran bahan mentah. Segmen Hiliran merujuk kepada nilai daripada pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti Pembuatan dan Perdagangan Borong dan Runcit di mana berkenaan.





PENGENALAN

Latar Belakang Industri Getah di Malaysia

Industri getah memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia sejak akhir abad ke-19. Pada peringkat awal, industri ini tertumpu kepada pengeluaran getah asli untuk eksport, namun sejak tahun 1970-an, ia telah mengalami transformasi dengan pertumbuhan sektor hiliran yang melibatkan pembuatan produk berasaskan getah seperti sarung tangan dan tayar. Pada tahun 2021, Malaysia berada di kedudukan ketujuh sebagai pengeluar getah asli dunia, dengan Thailand, Indonesia dan VietNam mendahului dalam pengeluaran getah global (Suara RISDA, 2021).



Kedudukan ini mencerminkan perubahan ketara dalam struktur industri getah negara berbanding era 1960-an hingga awal 1980-an, ketika Malaysia merupakan pengeluar utama getah asli dunia. Pada waktu itu, negara menyumbang hampir separuh daripada jumlah pengeluaran global, sekali gus menjadikan getah sebagai komoditi eksport utama dan sumber pendapatan penting negara.




Sejarah Awal Industri Getah di Malaysia

Getah asli mula diperkenalkan di Tanah Melayu apabila kerajaan British membawa benih *Hevea brasiliensis* dari Brazil ke Kew Gardens, England, untuk dikaji dan disesuaikan dengan iklim Asia. Pada tahun 1876, anak benih tersebut dihantar ke Sri Lanka dan India sebelum dibawa masuk ke Tanah Melayu. Setahun kemudian, sebanyak sembilan anak pokok getah dihantar dari Kew Gardens dan ditanam di Kuala Kangsar, Perak oleh H.N. Ridley (Gomez, 2011). Beliau berperanan besar dalam menggalakkan penanaman getah secara meluas, yang akhirnya membawa kepada perkembangan pesat industri ini.

Menjelang awal abad ke-20, industri getah di Tanah Melayu berkembang pesat apabila British menggalakkan penanaman secara besar-besaran bagi memenuhi permintaan industri automotif dunia (Drabble, 1973).


Pada tahun 1920-an, Tanah Melayu muncul sebagai pengeluar utama getah dunia, dengan eksportnya menjadi tunjang ekonomi negara (Lim, 1992). Ketika itu, industri ini tertumpu kepada pengeluaran getah asli untuk dieksport, terutamanya ke Eropah dan Amerika Syarikat, dengan ladang-ladang besar dimiliki oleh syarikat British (Gomez & Jomo, 1999). Malaysia juga menjadi pembekal utama bahan mentah untuk industri tayar global, termasuk kepada syarikat seperti Goodyear dan Michelin (Drabble, 1973).



Selepas kemerdekaan, kerajaan Malaysia mengambil langkah memperkasa industri getah dengan memperkenalkan pelbagai dasar pembangunan bagi meningkatkan daya saing pengeluar tempatan serta memperluaskan sektor hiliran. Beberapa dasar utama seperti Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) dan Dasar Agrikomoditi 2021-2030 (DAKN 2021-2030) yang memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti, penyelidikan dan pembangunan (R&D), serta inovasi dalam pemprosesan getah (FAMA, 2021; PMO, 2022). Selain itu, agensi seperti Lembaga Getah Malaysia (LGM), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Majlis Getah Malaysia (MRC) turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh daya saing industri melalui program sokongan dan insentif yang memberi manfaat kepada pekebun kecil dan pengeluar tempatan (MRC, 2022).

Industri Getah Masa Kini dan Kepentingannya

Kini, industri getah memainkan peranan penting dalam ekonomi negara dan rantai bekalan global, khususnya dalam sektor automotif, perubatan dan pembuatan. Produk berasaskan getah Malaysia seperti sarung tangan telah menjadi komponen penting dalam sektor kesihatan global dengan permintaan yang meningkat ketara semasa pandemik COVID-19 (Lim & Narayanan, 2020). Malaysia kini menguasai lebih daripada 60 peratus pasaran dunia bagi pengeluaran sarung tangan, menjadikannya pemain utama dalam sektor ini (MRB, 2021). Selain itu, kemajuan dalam penyelidikan dan inovasi teknologi pemprosesan getah turut memperkukuh daya saing negara dalam pasaran global (Gomez, 2011).



DASAR DAN POLISI

INDUSTRI GETAH DI MALAYSIA

Dasar BukuMerah

1960-an



Menyediakan insentif dan infrastruktur asas untuk pekebun kecil

RISDA

1973



Membantu pekebun kecil dengan program penanaman semula dan sokongan teknikal

Dasar Pertanian Negara I

1984-1991



Menyokong skim penanaman semula dengan getah berkualiti tinggi dan latihan untuk pekebun kecil

1960-an - 1980-an

Dasar Perindustrian Negara

1986, 1996



Menggalakkan peralihan daripada getah mentah kepada produk hiliran bernilai tinggi seperti sarung tangan dan tayar

Pembangunan Kluster Getah

1990-an



Menubuhkan Zon Perindustrian Getah dan menarik pelaburan asing

Dasar Pertanian Negara 2

1992-1997



Menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam penorehan dan memberi latihan kepada pekebun kecil

Akta LGM (1996) & MRB (1998)

1996, 1998



Penyelidikan & Pembangunan (R&D) untuk meningkatkan produktiviti dan inovasi dalam produk getah.

1990-an

Dasar Pertanian Negara 3

1998-2010



Menyediakan subsidi dan penyelidikan untuk menghasilkan getah tahan penyakit

Dasar Bioteknologi Negara

2005



Memperkenalkan klon getah baharu dan membangunkan getah sintetik

Dasar Transformasi Ekonomi (ETP)

2010



Menyediakan insentif cukai dan meningkatkan R&D dalam produk getah

Dasar Komoditi Negara (DKN)

2011-2020



Memperkuh daya saing industri getah melalui peningkatan produktiviti, inovasi, pembangunan hiliran, serta memperkasakan pekebun kecil dan eksport negara secara mampan.

2000-an

Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN 2030)

2021-2030



Menyokong penggunaan teknologi digital dan pertanian pintar dalam industri getah

Dasar Ekonomi Madani

2023



Memperkuh rantai bekalan dan menggalakkan pelaburan dalam teknologi getah kitar semula

Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030)

2023-2030




Menyediakan insentif ekonomi hijau dan menggalakkan pengeluaran produk getah teknologi tinggi

2020-an

Industri getah di Malaysia telah lama menjadi antara penyumbang utama kepada ekonomi negara, namun rantaian nilainya masih berdepan pelbagai cabaran. Penerbitan ini bertindak sebagai cerminan terhadap struktur industri yang kompleks dari segmen huluhan penanaman dan penuaian, ke pemprosesan separa siap hingga ke pengeluaran produk akhir yang bersaing di pasaran antarabangsa.

Dengan menganalisis hubungan dan jurang antara setiap segmen, penerbitan ini menjelaskan isu-isu seperti cabaran kepada pekebun kecil, tahap pemodenan yang tidak sekata dan keperluan mendesak untuk inovasi serta pelaburan strategik agar industri getah tidak sekadar bertahan, tetapi mampu berkembang secara mampan dalam landskap global yang semakin mencabar.

Paparan 1: Rantaian Pertanian Malaysia dari Huluhan ke Hiliran Industri Getah



Jenis-jenis Getah Asli Malaysia

Dalam industri getah di Malaysia, pelbagai jenis getah dihasilkan di peringkat ladang bergantung kepada kaedah pengumpulan, bentuk fizikal dan tahap kualiti. Jenis-jenis getah yang lazim dikeluarkan termasuk getah beku (*cup lump*), lateks cecair, getah gumpalan, dan getah keping (*sheet rubber*).

Getah beku atau *cup lump*

Merupakan bentuk yang paling banyak dikutip oleh pekebun kecil. Ia terbentuk apabila susu getah yang mengalir daripada torehan dibiarkan membeku secara semula jadi di dalam cawan penorehan. Ketulan getah ini biasanya dikutip selepas beberapa hari dan dijual kepada pengumpul atau kilang pemprosesan. Kualiti getah beku ini boleh berbeza-beza bergantung kepada teknik penorehan serta faktor kebersihan di ladang. Walaupun begitu, ia memainkan peranan penting sebagai bahan mentah dalam pengeluaran *Getah Mutu Malaysia (GMM)*, yang kemudiannya diproses untuk pasaran eksport atau pembuatan produk hiliran seperti tayar dan komponen perindustrian.

Lateks cecair

Susu getah segar yang dikutip segera selepas penorehan sebelum ia sempat membeku. Lateks ini biasanya diawet menggunakan ammonia bagi memastikan kestabilan komposisi sebelum dihantar ke kilang untuk diproses menjadi *lateks pekat*. Memandangkan kandungan getah kering yang tinggi dan tahap kebersihan yang baik, jenis ini sangat sesuai untuk pembuatan produk lateks seperti sarung tangan getah, belon, kondom, dan peralatan perubatan lain (LGM, n.d.).

Getah gumpalan atau *field coagulum*

Merupakan gumpalan getah yang terbentuk secara tidak sengaja sama ada di permukaan pokok atau dalam bekas pengumpulan. Ia biasanya dikutip sebagai sisa penorehan dan memiliki kandungan bendasing yang tinggi serta mutu yang lebih rendah. Getah jenis ini lazimnya digunakan dalam industri yang tidak memerlukan bahan mentah berkualiti tinggi seperti pembuatan bahan pembungkus, tikar, atau produk getah industri berat (LGM, n.d.).

Getah keping atau *sheet rubber*

Getah Asap Berbunga (GAB) diperoleh melalui proses pembekuan lateks menggunakan bahan penggumpal seperti asid formik atau asetik. Lateks yang telah membeku ini akan diproses melalui mesin lenyek dan dikeringkan menjadi kepingan nipis. Sebelum getah beku menjadi pilihan utama, getah keping merupakan bentuk dominan yang digunakan oleh pekebun kecil. Ia mempunyai mutu yang lebih tinggi berbanding skrap biasa dan sesuai untuk menghasilkan GMM gred tinggi serta digunakan dalam pengeluaran produk kejuruteraan seperti tayar dan hos (LGM, n.d.).

Cabaran Industri Getah Malaysia

Meskipun industri getah Malaysia masih kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara, ia berdepan pelbagai cabaran yang mempengaruhi daya saing jangka panjang. Antara cabaran utama yang dihadapi termasuk ketidakstabilan harga pasaran, peningkatan kos pengeluaran, persaingan daripada negara-negara pengeluar lain serta isu kelestarian dan perubahan iklim yang memberi kesan kepada hasil pengeluaran. Selain itu, kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan keperluan untuk meningkatkan tahap automasi turut menjadi isu utama yang perlu ditangani bagi memastikan industri ini kekal berdaya saing dalam pasaran global (Seven Pillar Institute, 2024).

Bagi mengatasi cabaran ini, kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk meningkatkan penggunaan teknologi automasi dan melabur dalam penyelidikan serta inovasi produk getah melalui DAKN 2021–2030, Program Transformasi Perusahaan Getah Negara (TARGET), serta geran penyelidikan di bawah LGM dan *Malaysian Rubber Council* (MRC).

Langkah-langkah ini bertujuan memastikan kelestarian dan daya saing industri getah Malaysia dalam menghadapi perubahan pasaran antarabangsa. Dengan Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030, pembangunan yang kukuh serta sokongan berterusan daripada pelbagai pihak, industri getah Malaysia dijangka terus berkembang dan mengekalkan kedudukannya dalam pasaran global.






SEGMENT HULUAN

Segmen huluhan dalam industri getah di Malaysia merangkumi keseluruhan proses awal sebelum getah dipasarkan kepada sektor hiliran. Ia bermula dengan penyediaan tapak dan penanaman anak pokok getah yang mengambil masa lima hingga tujuh tahun untuk matang sebelum boleh ditoreh (Suara RISDA, 2021). Proses ini melibatkan pemilihan klon berkualiti tinggi, penyemaian di tapak semaian serta penjagaan rapi melalui pembajaan dan kawalan penyakit bagi memastikan pertumbuhan optimum. Setelah matang, pokok getah ditoreh untuk mengeluarkan lateks (susu getah), bahan asas utama dalam pembuatan pelbagai produk seperti sarung tangan dan tayar.

Keluasan kebun atau ladang getah memainkan peranan penting dalam menentukan jumlah pengeluaran lateks. Ladang berskala besar yang diurus secara komersial biasanya menggunakan teknologi moden dan sistem pengurusan yang lebih efisien, manakala kebun kecil yang dimiliki pekebun tradisional bergantung kepada kaedah manual. Pengeluaran getah asli turut dipengaruhi oleh kekerapan dan teknik penorehan. Teknik menoreh yang betul seperti torehan pada sudut tepat, dapat meningkatkan aliran lateks dan memanjangkan jangka hayat pokok. Penorehan paling sesuai dilakukan pada awal pagi kerana kelembapan tinggi dan suhu rendah membantu lateks mengalir lebih lama sebelum membeku.



Paparan 2: Pokok getah yang telah ditoreh bagi mendapatkan susu getah atau lateks



Sumber: Suara RISDA, 2021


Secara amnya, pengeluaran getah asli cenderung meningkat pada musim hujan apabila kelembapan tanah yang tinggi merangsang aktiviti fisiologi pokok, termasuk pengeluaran lateks. Sebaliknya, hasil pengeluaran menurun semasa musim luruh daun kerana pokok memasuki fasa rehat fisiologi (FAO, 1977). Getah asli yang dikumpulkan daripada segmen huluhan ini menjadi bahan utama dalam industri pembuatan seperti tayar, sarung tangan, kondom, kasut, dan komponen automotif. Oleh itu, kestabilan sektor ini bukan sahaja penting untuk pendapatan pekebun kecil tetapi juga sebagai bekalan utama bagi industri hiliran yang bergantung kepada lateks berkualiti tinggi dari dalam negara.



Keluasan Tanaman Getah

Carta 1 memaparkan keluasan kawasan tanaman getah di Malaysia yang mencapai nilai tertinggi pada tahun 1970 dengan 2.0 juta hektar, menjadikannya antara komoditi eksport utama negara ketika itu. Namun, memasuki tahun 1990, keluasan ini menyusut kepada 1.8 juta hektar, susulan galakan terhadap kepelbagaian tanaman dan kejatuhan harga getah di pasaran dunia yang mendorong pekebun kecil beralih kepada tanaman yang lebih menguntungkan seperti kelapa sawit (LGM, 1992).

Carta 1: Keluasan Tanaman Getah, 1970–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Penurunan keluasan tanaman getah menjadi lebih ketara daripada 1.4 juta hektar pada tahun 2000 kepada hanya 957.1 ribu hektar pada 2006. Faktor utama penurunan ini disebabkan oleh lonjakan harga kelapa sawit, insentif kerajaan kepada pekebun kecil untuk tanaman alternatif serta peningkatan peluang pekerjaan di bandar berikutan dasar perindustrian dan urbanisasi.

Menjelang 2010, industri getah menunjukkan sedikit pemulihan dengan peningkatan keluasan tanaman kepada 1.0 juta hektar dan terus berkembang kepada 1.1 juta hektar pada 2023. Ini didorong oleh peningkatan permintaan daripada sektor hiliran.

Keluasan Tanaman Getah mengikut Jenis Milikan

Keluasan ladang getah di bawah estet mencatatkan 0.68 juta hektar, manakala pekebun kecil menguasai 1.3 juta hektar pada tahun 1970 (**Carta 2**). Selari dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menggalakkan pemilikan tanah oleh pekebun kecil serta peralihan kepada tanaman lain seperti kelapa sawit telah menyebabkan penyusutan kawasan estet yang lebih ketara mulai tahun 1970 dan menyusut kepada 0.05 juta hektar pada tahun 2010.

Carta 2: Keluasan Tanaman Getah mengikut Jenis Milikan, 1970–2023



Sumber: Department

Menjelang tahun 2000, keluasan tanaman bagi estet menyusut kepada 0.12 juta hektar, manakala keluasan tanaman bagi pekebun kecil turut mencatatkan penurunan keluasan kepada 1.3 juta hektar kesan daripada Krisis Kewangan Asia 1997/98 dan kejatuhan harga getah.


Pada tahun 2010, keluasan ladang estet semakin mengecil kepada 0.05 juta hektar, manakala pekebun kecil mengekalkan 0.97 juta hektar, sejajar dengan trend global yang memihak kepada komoditi lebih menguntungkan (DOSM, 2011). Walaupun keluasan ladang estet terus berkurang, pekebun kecil kekal dominan dengan 1.1 juta hektar pada 2023. Inisiatif seperti Program Pembangunan Getah Negara turut membantu mengekalkan kelangsungan sektor ini dalam struktur ekonomi Malaysia (LGM, 2023).

Pengeluaran Getah Asli

Dari segi pengeluaran, **Carta 3** memaparkan Malaysia mencatatkan tahap pengeluaran yang stabil sepanjang 1970-an antara 1.3 hingga 1.6 juta tan metrik, dengan nilai tertinggi 1.6 juta tan metrik direkodkan pada tahun 1976 susulan pelaksanaan DEB 1971-1990 (EPU, 1991). Namun pada dekad 1980-an, ketidakstabilan harga getah global mula memberi kesan kepada corak pengeluaran, dengan jumlah terendah dicatatkan pada tahun 1985 sebanyak 1.5 juta tan, manakala pengeluaran tertinggi direkodkan pada tahun 1988 dengan 1.7 juta tan.

Pada dekad 1990-an, trend penurunan pengeluaran getah semakin ketara apabila jumlah pengeluaran merosot daripada 1.3 juta tan metrik pada tahun 1990 kepada 0.78 juta tan metrik pada 1999. Krisis Kewangan Asia 1997/1998 memberi tekanan besar kepada sektor pertanian, menyebabkan ramai pekebun kecil beralih kepada tanaman lain yang lebih menguntungkan (BNM, 1999). Sebagai langkah tindak balas, Kerajaan kemudian menggalakkan pengeluaran produk hiliran seperti sarung tangan getah bagi mengekalkan daya saing industri ini di pasaran global (LGM, 2001).

Carta 3: Pengeluaran Getah Asli, 1970–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Awal 2000-an menyaksikan tanda-tanda pemulihan sementara dalam industri getah apabila pengeluaran melebihi 1.0 juta tan metrik pada tahun 2004. Namun, selepas tahun 2008, jumlah pengeluaran kembali menunjukkan trend menurun berikutan lonjakan harga kelapa sawit di pasaran global yang telah menarik lebih ramai pekebun kecil untuk beralih ke tanaman tersebut sebagai alternatif yang lebih menguntungkan (LGM, 2009).

Dalam dekad seterusnya, pengeluaran terus merosot daripada 1.0 juta tan metrik pada tahun 2011 kepada 0.6 juta tan metrik pada tahun 2018. Antara faktor utama yang menyumbang kepada kemerosotan ini termasuk kekurangan tenaga buruh, peningkatan kos pengeluaran serta persaingan daripada negara jiran seperti Thailand dan Indonesia yang menawarkan kos pengeluaran lebih rendah (IRSG, 2018). Bagi menangani cabaran ini, Kerajaan telah melaksanakan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) yang antara lain memberi tumpuan kepada pemodenan industri getah serta peningkatan nilai tambah dalam pengeluaran produk hiliran (MITI, 2006).

Krisis COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2020 turut memberi impak besar kepada industri getah negara. Pengeluaran merosot kepada 0.5 juta tan metrik pada tahun tersebut dan terus menyusut kepada hanya 0.3 juta tan metrik pada tahun 2023. Antara cabaran utama yang dihadapi adalah penurunan hasil di ladang, kebergantungan yang tinggi terhadap tenaga kerja asing serta ketidaktentuan harga pasaran, walaupun permintaan terhadap produk seperti sarung tangan getah meningkat semasa pandemik (LGM, 2021). Dalam tempoh ini, Malaysia semakin bergantung kepada import bahan mentah bagi memenuhi permintaan industri hiliran yang terus berkembang (MRC, 2022).




Pengeluaran Getah Asli mengikut Jenis Pemilikan

Dari segi sumbangan pengeluaran, pada dekad 1970-an, ladang estet dan pekebun kecil masing-masing menyumbang sekitar 0.63 hingga 0.67 juta tan metrik (**Carta 4**). Namun, menjelang 1980-an, pengeluaran ladang estet menurun kepada sekitar 0.43 hingga 0.59 juta tan metrik, manakala pengeluaran pekebun kecil terus meningkat, mencapai 1.18 juta tan metrik pada 1988. Kejatuhan harga getah dan persaingan daripada getah sintetik telah mendorong kerajaan memberi tumpuan kepada pembangunan industri hiliran, termasuk pembuatan sarung tangan, tayar dan produk berasaskan lateks bagi mengekalkan daya saing negara di pasaran global (MITI, 1990).

Memasuki dekad 2000-an, sumbangan ladang estet terus merosot kepada 0.13 juta tan, manakala pekebun kecil yang masih mengekalkan pengeluaran melebihi 0.80 juta tan metrik setahun. Menjelang dekad 2010-an, trend penurunan berterusan apabila ladang estet menghasilkan kurang daripada 0.06 juta tan setahun. Pengeluaran pekebun kecil turut menyusut selepas 2014, dipengaruhi oleh kejatuhan harga komoditi global.

Carta 4: Pengeluaran Getah Asli mengikut Jenis Pemilikan, 1970–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Estet	Pekebun Kecil
(juta hektar)	
0.63	0.64
1970	
0.59	0.93
1980	
0.40	0.89
1990	
0.13	0.80
2000	
0.06	0.88
2010	
0.05	0.42
2021	


Walaupun pandemik COVID-19 meningkatkan permintaan terhadap produk hiliran seperti sarung tangan, pengeluaran getah asli tetap mencatatkan penurunan, dengan ladang estet menghasilkan 0.05 juta tan metrik dan pekebun kecil 0.42 juta tan metrik pada tahun 2021. Menjelang 2023, pengeluaran ladang estet kekal pada 0.05 juta tan metrik, manakala pengeluaran pekebun kecil merosot kepada hanya 0.30 juta tan metrik, iaitu angka terendah yang direkodkan dalam tempoh lima dekad bagi kategori pekebun kecil.

Perbandingan Keluasan Tanaman Getah dan Pengeluaran Getah Asli

Dalam tempoh lebih lima dekad, keluasan ladang getah di Malaysia menyusut lebih 45 peratus, manakala pengeluaran merosot hampir 80 peratus. Trend ini dipengaruhi oleh persaingan daripada getah sintetik, peralihan kepada kelapa sawit serta dasar kerajaan yang menggalakkan kepelbagaian ekonomi (LGM, 2022).

Pada 1970-an, Malaysia masih merupakan pengeluar utama getah dunia dengan keluasan ladang sekitar dua (2) juta hektar dan pengeluaran mencecah 1.6 juta tan metrik pada tahun 1976 seperti ditunjukkan di **Carta 5**. Namun, di bawah DEB yang menekankan pembangunan kelapa sawit serta tekanan pasaran global, telah mencetuskan penyusutan beransur-ansur industri ini menjelang akhir dekad tersebut.

Carta 5: Perbandingan Keluasan Tanaman Getah dan Pengeluaran Getah Asli, 1970–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perubahan ini menjadi lebih ketara pada 1990-an apabila keluasan ladang berkurang kepada 1.8 juta hektar, dan pengeluaran merosot selepas 1988. Dasar Pertanian Negara (DPN2) memperkukuh kepelbagaian tanaman, manakala Krisis Kewangan Asia 1997/98 mempercepatkan lagi kemerosotan apabila ramai pekebun kecil beralih kepada tanaman yang lebih menguntungkan, menyebabkan pengeluaran jatuh ke bawah paras 1 juta tan metrik pada 1997 (BNM, 1999).

Menjelang 2000-an, pengeluaran meningkat semula kepada 1.24 juta tan metrik pada tahun 2006, dipacu oleh pelaksanaan Program Penanaman Semula Getah (TSG) dan insentif oleh RISDA bagi meningkatkan hasil sehektar. Dasar pembangunan industri seperti IMP3 2006–2020 dan DKN 2011–2020 turut menyokong pertumbuhan sektor ini dengan memberi tumpuan kepada penghasilan produk hiliran bernilai tinggi seperti sarung tangan dan bahan getah teknikal (MITI, 2006; KPK, 2011).


Walaupun teknologi seperti Sistem Penorehan Frekuensi Rendah (LFTS) meningkatkan produktiviti, kejatuhan harga getah selepas 2011 serta peralihan tenaga kerja ke sektor lain menyebabkan pengeluaran kembali merosot, mencecah 0.6 juta tan metrik pada 2018. Sebagai langkah tindak balas, kerajaan melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dan menggalakkan penggunaan *Cup Lump Modified Asphalt* (CMA) dalam pembinaan jalan untuk meningkatkan permintaan domestik (LGM, 2020).

Kejatuhan dalam industri getah Malaysia menjadi lebih ketara semasa pandemik COVID-19, yang mengakibatkan gangguan tenaga kerja serta peralihan pekebun kecil kepada tanaman lain yang lebih menguntungkan. Pada tahun 2023, pengeluaran merosot kepada hanya 0.3 juta tan metrik (**Carta 5**). Sebagai langkah pemulihan, kerajaan telah melaksanakan Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN) 2021–2030 yang memberi penekanan kepada pembangunan sektor hiliran, termasuk pengeluaran sarung tangan serta produk berasaskan getah untuk industri pembinaan dan automotif (KPK, 2021).


Info:

Cup Lump Modified Asphalt (CMA) ialah inovasi dalam teknologi pembinaan jalan raya yang menggabungkan getah beku asli (*cup lump*) ke dalam campuran bitumen dan agregat. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi turapan jalan serta menyokong penggunaan domestik getah asli di Malaysia. CMA dihasilkan dengan mencampurkan *Cup Lump Modified Bitumen* (CMB) iaitu komposit bitumen yang diubah suai dengan getah beku bersama agregat batu mengikut spesifikasi Jabatan Kerja Raya (JKR) Seksyen 4 (SPJ 2008). CMB mengandungi kira-kira 5% getah asli yang bertindak sebagai agen pengubah untuk meningkatkan keanjalan dan ketahanan bitumen (Azahar et al., 2019).



Carta 6: Perbandingan Keluasan Tanaman Getah dan Pengeluaran Getah Asli Bagi Estet, 1970-2022

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 7: Perbandingan Keluasan Tanaman Getah dan Pengeluaran Getah Asli Bagi Pekebun Kecil, 1970-2022

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada tahun 1970, ladang estet meliputi 677.0 ribu hektar dengan pengeluaran sebanyak 631.3 ribu tan. Namun, menjelang 1979, keluasan estet menurun kepada 525.6 ribu hektar dan pengeluaran kepada 611.7 ribu tan, selari dengan peralihan kepada tanaman kelapa sawit (**Carta 6**). Sebaliknya, pekebun kecil getah berkembang pesat dalam tempoh yang sama, dengan keluasan mencapai 1.5 juta hektar dan pengeluaran 956.7 ribu tan metrik pada 1978 seperti ditunjukkan di **Carta 7**, dipacu oleh DEB yang menumpukan kepada pembangunan luar bandar dan penglibatan komuniti desa dalam ekonomi (RISDA, 1980).

Kemerosotan berterusan selepas itu mencerminkan perubahan struktur ekonomi negara yang semakin berorientasikan industri dan perkhidmatan. Keluasan ladang estet menyusut kepada 361.0 ribu hektar pada 1989, 151.2 ribu hektar pada 1999, dan hanya 49.7 ribu hektar pada 2009 (**Carta 6**). Walaupun ladang pekebun kecil mencapai keluasan tertinggi 1.5 juta hektar, angka ini menurun kepada hanya 0.9 juta hektar pada tahun 2005 (**Carta 7**).

Namun, pada 2023, keluasan estet kekal rendah pada 82.7 ribu hektar dengan pengeluaran merekodkan 50.4 ribu tan. Keluasan ladang pekebun kecil pula sebanyak 1.05 juta hektar, tetapi pengeluarannya merosot kepada 0.3 juta tan, iaitu terjejas oleh ketidakstabilan harga, kekurangan tenaga kerja serta kesan berpanjangan daripada pandemic COVID-19 (ILO, 2023).

Industri Estet Getah

Jadual 1: Statistik Utama Industri Estet Getah¹, 1970–2023



Tahun	Bil. Pertubuhan	Nilai Output Kasar (RM '000)	Nilai Input Perantaraan (RM '000)	Nilai Ditambah (RM '000)
2010	377	1,111,215	252,768	858,448
2015	265	843,429	287,779	555,651
2022	187	754,595	317,645	436,949

Sumber: Banci Ekonomi, DOSM

¹Merujuk kepada pertubuhan yang diliputi dalam Banci Ekonomi.

Berdasarkan Jadual 1, dari tahun 2010 hingga 2022, industri estet getah di Malaysia mencatatkan trend penurunan yang ketara dalam beberapa indikator utama. Bilangan estet getah berkurang daripada 377 pada tahun 2010 kepada hanya 187 pada tahun 2022, iaitu penurunan lebih 50 peratus. Trend ini mencerminkan peralihan guna tanah ke arah komoditi yang lebih menguntungkan seperti kelapa sawit, selaras dengan dasar kepelbagaian tanaman dan penggunaan tanah yang lebih efisien sebagaimana digariskan dalam DKN 2011–2020.

Dalam tempoh yang sama, nilai output kasar turut menyusut sebanyak 32.0 peratus, daripada RM1.11 bilion pada 2010 kepada RM754.6 juta pada 2023. Walaupun nilai output kasar menurun, nilai input perantaraan meningkat daripada RM252.8 juta kepada RM317.6 juta, mencerminkan peningkatan kos operasi. Peningkatan kos menyebabkan nilai ditambah industri estet getah merosot hampir separuh daripada RM858.4 juta pada 2010 kepada RM436.9 juta pada 2022.

Nisbah input kepada output (I/O) merekodkan peningkatan daripada 0.23 pada 2011 kepada 0.42 pada 2022, menunjukkan bahawa lebih banyak kos diperlukan untuk menghasilkan setiap unit output, sekaligus memberi tekanan kepada kecekapan dan daya saing industri ini.

Justeru, transformasi industri estetik getah menjadi semakin penting, khususnya melalui penerapan teknologi moden, automasi dan amalan mampan. Inisiatif seperti pelaksanaan Getah Asli Mampan Malaysia (MSNR) serta pengukuhan peranan penyelidikan oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM) adalah antara langkah strategik untuk memastikan kelangsungan dan daya saing industri dalam pasaran global yang kian mencabar.




Info:

Getah Asli Mampan Malaysia (MSNR) ialah inisiatif yang diperkenalkan oleh LGM pada Oktober 2024 untuk memastikan industri getah negara mematuhi piawaian kemampan antarabangsa, termasuk Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 dan Peraturan Bebas Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR). Malaysian Sustainable Natural Rubber (MSNR) bertujuan menjadikan getah asli Malaysia lebih berdaya saing di pasaran global dengan menekankan aspek kelestarian dan pematuhan sosial. MSNR berasaskan lima prinsip kemampan iaitu tiada penebangan hutan untuk penanaman getah, penanaman mengikut Kanun Tanah Negara, kelestarian alam Sekitar, pematuhan sosial (termasuk hak pekerja dan komuniti) dan kebolehsanaan rantaian bekalan dari ladang hingga produk akhir (Agrimag, 2025).

Keluasan Bertanam Getah Mengikut Wilayah

Carta 8: Keluasan Kawasan Tanaman Getah Mengikut Wilayah, 2000–2022



Sumber: Kementerian Perlindungan dan Komoditi


Carta 8 menunjukkan keluasan tanaman getah di Malaysia menunjukkan keluasan berbeza Semenanjung, Sabah dan Sarawak dalam tempoh 2000 hingga 2023. Keluasan di Semenanjung Malaysia menurun secara konsisten daripada 1.2 juta hektar pada tahun 2000 kepada 0.77 juta hektar mulai tahun 2023, iaitu penyusutan lebih 34.0 peratus.

Sebaliknya, Sabah dan Sarawak mencatatkan peningkatan ketara. Keluasan di Sabah meningkat daripada 87.4 ribu hektar kepada 170.7 ribu hektar, manakala Sarawak mencatatkan pertambahan daripada 158.3 ribu hektar kepada 193.3 ribu hektar dalam tempoh yang sama (**Carta 8**). Trend ini mencerminkan peluasan aktiviti penanaman getah ke Malaysia Timur, selari dengan dasar pembangunan luar bandar dan potensi guna tanah baharu di wilayah tersebut (KKDW, 2023).

Pengeluaran Getah Asli Mengikut Wilayah

Sementara itu, penurunan ketara berlaku dari segi pengeluaran getah asli, terutamanya di Semenanjung Malaysia. Daripada **Carta 9**, pengeluaran getah asli di Semenanjung mencecah 861.9 ribu tan pada tahun 2001, namun merosot kepada hanya 302.7 ribu tan metrik pada tahun 2023. Pengeluaran di Sabah meningkat secara sederhana daripada 18.4 ribu tan metrik kepada 41.4 ribu tan metrik, manakala Sarawak meningkat daripada 1.8 ribu tan metrik kepada 3.8 ribu tan metrik dalam tempoh sama.

Carta 9: Pengeluaran Getah Asli mengikut Wilayah, 2001–2022



Sumber: Kementerian Perladangan dan Komoditi

Meskipun keluasan tanaman getah di Sabah dan Sarawak terus berkembang, sumbangannya kepada pengeluaran nasional tidak dapat mengimbangi kemerosotan ketara di Semenanjung. Perbandingan antara keluasan dan pengeluaran menunjukkan ketidaksepadanan yang membimbangkan, terutamanya apabila pengurangan kawasan bertanam di Semenanjung disertai dengan penurunan pengeluaran yang lebih ketara. Keadaan ini mencerminkan cabaran seperti produktiviti rendah, kekurangan tenaga kerja mahir, serta kebergantungan kepada pekebun kecil berusia, iaitu kajian mendapati lebih 58 peratus daripada pengusaha berumur lebih 51 tahun (ANRPC, 2023; Ramli et al., 2021). Di Sabah dan Sarawak pula, meskipun keluasan ladang meningkat, produktiviti per hektar masih rendah, menandakan keperluan pelaburan dalam teknologi agronomi, penyelidikan klon getah, dan pembangunan kapasiti yang lebih menyeluruh (LGM, 2023; MPOB, 2023).



SEGMENT HILIRAN (PEMBUATAN)

Pemprosesan Getah

Segmen hiliran dalam industri komoditi getah merangkumi pemprosesan bahan mentah dari peringkat hulu untuk menghasilkan bahan separuh siap atau produk siap yang memenuhi keperluan pasaran. Setelah dituai dari ladang, getah melalui beberapa peringkat pemprosesan bagi memastikan ketulenan dan kualiti sebelum digunakan dalam pelbagai industri.



Proses ini bermula dengan penapisan susu getah bagi membuang kotoran dan bahan asing, diikuti dengan penggumpalan menggunakan asid asetik atau formik untuk membentuk gumpalan pejal. Getah yang telah menggumpal kemudian dikeringkan untuk menghasilkan pelbagai bentuk seperti lateks pekat, getah keping atau getah berketul, bergantung pada keperluan industri (LGM, 2021).



Selain itu, proses pemvulkanan iaitu pemanasan dengan sulfur, digunakan bagi meningkatkan keanjalan, ketahanan serta daya tahan terhadap haba dan bahan kimia. Kaedah ini menjadikan getah lebih kukuh dan sesuai untuk pelbagai kegunaan industri seperti automotif dan perubatan.

Industri pemprosesan getah di Malaysia terbahagi kepada beberapa kategori berdasarkan jenis produk yang dihasilkan. Pemprosesan lateks digunakan untuk menghasilkan produk seperti sarung tangan dan kondom, sementara pemprosesan getah lembaran menyokong pembuatan tayar serta komponen industri. Selain itu, pemprosesan getah blok memainkan peranan penting dalam aplikasi kejuruteraan (Ramasamy, 2019). Setiap kategori ini menyumbang kepada ekonomi negara melalui eksport dan juga dalam memenuhi keperluan industri domestik (DOSM, 2022).


Keberkesanan segmen hiliran ini amat penting dalam memastikan bekalan getah berkualiti tinggi kepada industri seperti pembuatan tayar, sarung tangan dan komponen automotif. Selain memastikan pematuhan terhadap piawaian antarabangsa, kecekapan dalam pemprosesan juga meningkatkan daya saing industri getah Malaysia di pasaran global.



Penggunaan Domestik Getah Asli mengikut Industri

Secara keseluruhan, industri sarung tangan getah menjadi pengguna utama getah asli di Malaysia, dengan peningkatan ketara terutamanya selepas tahun 1990-an. Lonjakan tertinggi berlaku semasa pandemik COVID-19, apabila permintaan global terhadap sarung tangan perubatan melonjak, menyumbang kepada peningkatan penggunaan getah asli melebihi 400,000 tan metrik pada tahun 2020. Namun, selepas pandemik, penggunaan dalam industri ini kembali ke tahap lebih stabil sekitar 312,000 tan pada tahun 2023, sejajar dengan normalisasi permintaan pasaran global seperti ditunjukkan di **Carta 10** (LGM, 2023).

Carta 10: Penggunaan Domestik Getah Asli mengikut Industri, 1985–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain itu, industri tayar dan tiub getah turut memainkan peranan penting sebagai penyumbang kepada penggunaan getah asli, namun trend menunjukkan ketidakstabilan sejak tahun 1997. Ini boleh dikaitkan dengan peningkatan penggunaan tayar sintetik yang lebih tahan lama dan kos efektif, selain perubahan dalam corak permintaan automotif domestik dan eksport (LGM, 2023).

Walaupun sektor pembuatan tayar turut mendapat manfaat daripada pelaburan dalam industri automotif melalui insentif yang ditawarkan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP 2020), persaingan daripada negara pengeluar utama seperti China dan Thailand telah menyumbang kepada kebergantungan yang lebih rendah terhadap penggunaan getah asli dalam industri ini (MITI, 2021).

Industri lain seperti benang getah, kepingan getah dan gelang getah mencatatkan penggunaan yang lebih kecil tetapi stabil dari tahun ke tahun. Sebaliknya, industri pembuatan kasut dan produk getah lain menunjukkan penurunan ketara sejak awal 2000-an, berikutan dengan perubahan struktur industri dan peningkatan import produk alternatif. Pengurangan ini mencerminkan peralihan pengeluaran kasut global ke negara seperti Viet Nam dan Indonesia yang menawarkan kos tenaga buruh lebih rendah dan daya saing pengeluaran yang lebih tinggi (MIDA, 2022).



Sumber: Malaysia Rubber Council

Industri Pembuatan Produk Getah

Industri pembuatan produk getah Malaysia mengalami pertumbuhan pesat dari 1970 hingga 2022, dipacu oleh dasar pembangunan perindustrian negara dan peningkatan permintaan global. Pada tahun 1970, nilai output kasar mencatatkan RM103.6 juta dengan nilai ditambah RM44.5 juta (**Jadual 2**). Dalam tempoh ini, DEB mula diperkenalkan untuk memodenkan sektor perindustrian dan mengurangkan kebergantungan kepada eksport komoditi mentah (EPU, 1971).

Menjelang tahun 1980, nilai output melonjak lebih lima kali ganda kepada RM563.9 juta, seiring dengan peningkatan permintaan global terhadap produk berasaskan getah seperti sarung tangan dan tayar. Perkembangan ini diperkukuhkan dengan pelaksanaan Dasar Perindustrian Negara pada 1986, yang mempercepatkan peralihan industri ke arah pembuatan bernilai tambah tinggi. Hasilnya, nilai ditambah industri meningkat kepada RM758.9 juta pada tahun 1990 (MITI, 1990).

Jadual 2: Statistik Utama Industri Pembuatan Produk Getah¹, 1970–2022

Tahun	Bil. Pertubuhan	Nilai Output Kasar (RM '000)	Nilai Input Perantaraan (RM '000)	Nilai Ditambah (RM '000)
1970	44	103,623.0	59,170.1	44,452.8
1980	129	563,868.0	342,952.5	220,915.4
1990	145	1,709,370.0	950,500.7	758,870.0
2000	292	6,359,591.2	4,008,857.1	2,350,734.1
2010	432	16,883,977.3	12,599,279.1	4,284,698.2
2020	488	43,272,457.3	31,602,604.0	11,669,853.3
2022	817	72,602,969.7	51,860,531.9	20,742,437.8

Sumber: Banci Ekonomi, DOSM

¹Merujuk kepada pertubuhan yang diliputi dalam Banci Ekonomi.

Pada tahun 2000, industri mencatatkan nilai output kasar sebanyak RM6.36 bilion dengan nilai ditambah RM2.35 bilion, menandakan transformasi besar dalam sektor ini. Peningkatan ini selari dengan Dasar Perindustrian Kedua (1996-2005) yang memberi tumpuan kepada pembuatan berteknologi tinggi dan pelaburan

dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) (MITI, 1996). Sepanjang dekad berikutnya, industri terus berkembang dengan nilai output mencecah RM16.9 bilion dan nilai ditambah RM4.3 bilion pada tahun 2010 (**Jadual 2**).

Pada tahun 2020, industri getah mencatatkan pertumbuhan kukuh, apabila nilai output kasar melonjak kepada RM43.3 bilion dan nilai ditambah RM11.7 bilion, didorong oleh permintaan luar biasa terhadap produk perubatan, khususnya sarung tangan getah, semasa pandemik COVID-19. Pada tahun 2022, nilai output kasar meningkat kepada RM72.6 bilion dan nilai ditambah RM20.7 bilion. Walaubagaimanapun, pertumbuhan ini bersifat sementara disebabkan oleh permintaan yang tinggi daripada industri sarung tangan getah.

Sokongan dasar seperti Revolusi Industri 4.0 dan NIMP 2030 telah mempercepatkan proses automasi dan inovasi dalam sektor ini, sekaligus memperkukuh daya saing Malaysia di peringkat global (MITI, 2023). Walaupun nisbah input kepada output (I/O) sedikit menurun kepada 0.71 pada tahun 2022 (2020: 0.73), ia mencerminkan penyesuaian terhadap struktur kos dan peningkatan kecekapan melalui penerapan teknologi serta pengurusan rantaian bekalan yang lebih strategik dan responsif.

Industri Pembuatan Produk Getah mengikut Aktiviti

Jadual 3: Nilai Output Kasar Industri Pembuatan Produk Getah mengikut Aktiviti, 1970–2022
(RM juta)

Tahun	Jumlah	Pembuatan kasut getah	Pembuatan tayar untuk kenderaan	Pembuatan sarung tangan getah	Pembuatan produk getah lain yang t.t.t.l.
1970	103.6	22.2	56.5	-	24.9
1980	563.9	81.2	376.2	-	106.5
1990	1,709.4	298.5	730.6	-	680.3
2000	6,359.6	29.3	1,964.2	3,361.5	1,004.5
2010	16,884.0	365.0	2,948.3	9,741.5	3,829.2
2020	43,272.5	611.3	6,598.4	27,149.8	8,913.0
2022	72,603.0	206.2	3,203.9	58,284.5	10,908.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan **Jadual 3**, pada tahun 1970, industri pembuatan produk getah di Malaysia tertumpu kepada pembuatan tayar, yang menyumbang 54.6 peratus (RM56.5 juta) daripada jumlah output kasar. Ini diikuti oleh pembuatan produk getah lain sebanyak 24.0 peratus (RM24.9 juta) dan kasut getah 21.5 peratus (RM22.2 juta). Ketika itu, sarung tangan getah belum berkembang secara komersial. Keperluan domestik serta kebergantungan kepada sektor automotif tempatan dan permintaan eksport yang terhad telah membentuk corak pengeluaran industri.

Kasut Getah



Tayar untuk Kenderaan



Sarung tangan getah




Catheter



Pada tahun 1990, pembuatan tayar kekal sebagai penyumbang utama dengan 42.7 peratus (RM730.6 juta), diikuti produk getah lain 39.8 peratus (RM680.33 juta) dan pembuatan kasut getah 17.5 peratus (RM298.48 juta). Pertumbuhan ini didorong oleh Dasar Perindustrian Negara (NIP) 1986 yang menarik pelaburan asing dan membawa masuk teknologi baharu ke dalam sektor Pembuatan.

Era 2000 menyaksikan perubahan ketara apabila sarung tangan getah muncul sebagai penyumbang terbesar dengan 52.9 peratus (RM3.4 bilion), mengatasi tayar getah sebanyak 30.9 peratus (RM2.0 bilion) dan produk getah lain 15.8 peratus (RM1.0 bilion). Pembuatan kasut getah pula terus merosot kepada hanya 0.5 peratus (RM29.3 juta). Lonjakan sarung tangan getah ini dipacu oleh peningkatan pembuatan tujuan eksport ke pasaran global seperti Amerika Syarikat dan Eropah, disokong oleh pelaburan dalam teknologi automasi dan sistem kawalan kualiti.



Pada tahun 2010, pelaksanaan Dasar Transformasi Ekonomi (ETP) mempercepat peningkatan kapasiti dan automasi, menyaksikan nilai output kasar sarung tangan getah melonjak kepada 57.7 peratus (RM9.7 bilion), jauh mengatasi tayar getah sebanyak 17.5 peratus (RM2.9 bilion) dan kasut getah hanya 2.2 peratus (RM365.0 juta).

Permintaan global terhadap sarung tangan getah terus melonjak semasa pandemik COVID-19. Pada tahun 2020, industri ini menyumbang 62.7 peratus (RM27.1 bilion) daripada nilai output kasar industri dan meningkat kepada 80.3 peratus (RM58.3 bilion) pada tahun 2022.

Sementara itu, pembuatan produk getah lain mencatatkan 20.6 peratus (RM8.9 bilion) pada 2020 dan 15.0 peratus (RM10.9 bilion) pada 2022. Nilai output kasar bagi tayar getah menunjukkan penurunan daripada 15.2 peratus (RM6.6 juta) pada 2020 kepada hanya 4.4 peratus (RM3.2 juta) pada 2022.

Pembuatan kasut getah pula terus merosot daripada 1.4 peratus (RM611.3 ribu) kepada hanya 0.3 peratus (RM206.3 ribu), mencerminkan impak perubahan trend pasaran dan persaingan daripada produk sintetik yang lebih murah (**Jadual 3**).



Jadual 4 menunjukkan peningkatan ketara dalam nilai input perantaraan industri pembuatan produk getah di Malaysia, daripada hanya RM59.2 juta pada tahun 1970 kepada RM51.9 bilion pada tahun 2022. Pertumbuhan ini mencerminkan perluasan skala pengeluaran dan peralihan industri ke arah aktiviti bernilai tambah tinggi.

Peningkatan paling ketara direkodkan dalam aktiviti pembuatan sarung tangan getah, yang bermula pada tahun 2000 dengan RM2.2 bilion meningkat kepada RM42.19 bilion pada tahun 2022. Lonjakan ini selari dengan pertumbuhan permintaan global, terutamanya semasa dan selepas pandemik COVID-19, menjadikan sarung tangan sebagai komponen utama dalam rantai nilai industri getah Malaysia.

Sementara itu, aktiviti pembuatan tayar untuk kenderaan, yang sebelum ini mendominasi nilai input perantaraan pada tahun 1970 (RM32.3 juta) dan 1980 (RM224.9 juta), mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan mencecah RM2.31 bilion sahaja pada tahun 2022.

Jadual 4: Nilai Input Perantaraan Industri Pembuatan Produk Getah mengikut Aktiviti, 1970–2022

(RM juta)

Tahun	Jumlah	Pembuatan kasut getah	Pembuatan tayar untuk kenderaan	Pembuatan sarung tangan getah	Pembuatan produk getah lain yang t.t.t.l.
1970	59.2	12.7	32.3	0.0	14.2
1980	342.9	50.5	224.9	0.0	67.5
1990	950.5	173.7	404.9	0.0	371.9
2000	4,008.9	23.9	1,100.8	2,177.8	706.4
2010	12,599.3	258.5	2,414.1	6,992.2	2,934.4
2020	31,602.6	414.8	5,255.2	19,925.5	6,007.0
2022	51,860.5	145.9	2,308.2	42,190.0	7,216.4

Sumber: Banci Ekonomi, DOSM

Pembuatan kasut getah pula menunjukkan trend menurun selepas mencapai nilai tertinggi RM258.5 juta pada 2010 dan merosot kepada RM145.9 juta pada 2022. Dalam masa yang sama, nilai input perantaraan bagi pembuatan produk getah lain turut meningkat kepada RM7.22 bilion pada 2022, menandakan kepelbagaian dalam jenis produk yang dihasilkan.

Jadual 5: Nilai Ditambah Industri Pembuatan Produk Getah mengikut Aktiviti, 1970–2022

(RM juta)

Tahun	Jumlah	Pembuatan kasut getah	Pembuatan tayar untuk kenderaan	Pembuatan sarung tangan getah	Pembuatan produk getah lain yang t.t.t.l.
1970	44.5	9.5	24.3	0.0	10.7
1980	220.9	30.7	151.2	0.0	39.0
1990	758.9	124.8	325.7	0.0	308.4
2000	2,350.7	5.5	863.4	1,183.7	298.1
2010	4,284.7	106.6	534.1	2,749.3	894.8
2020	11,669.9	196.4	1,343.2	7,224.2	2,906.0
2022	20,742.4	60.3	895.7	16,094.5	3,691.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan **Jadual 5**, nilai ditambah aktiviti pembuatan produk getah Malaysia meningkat dengan ketara daripada RM44.5 juta pada tahun 1970 kepada RM20.7 bilion pada tahun 2022. Pertumbuhan tertinggi disumbangkan oleh aktiviti pembuatan sarung tangan getah, yang mencatatkan RM1.2 bilion pada tahun 2000 dan melonjak kepada RM16.1 bilion pada 2022. Pada tahun tersebut sahaja, aktiviti ini merangkumi 77.6 peratus daripada keseluruhan nilai ditambah industri, sejajar dengan lonjakan permintaan global, khususnya selepas pandemik COVID-19. Kenaikan ini turut mendorong peningkatan nilai output kasar aktiviti ini kepada RM72.6 bilion, di mana sarung tangan getah menyumbang RM58.3 bilion atau 80.3 peratus daripada jumlah keseluruhan.


Sebaliknya, aktiviti pembuatan tayar dan kasut getah menunjukkan pertumbuhan yang lebih sederhana. Nilai ditambah bagi aktiviti pembuatan tayar meningkat kepada RM895.7 juta pada 2022, manakala pembuatan kasut getah mencatatkan penurunan kepada RM60.3 juta berbanding RM124.8 juta pada 1990.

Dalam tempoh yang sama, produk getah lain menunjukkan pertumbuhan konsisten, dengan nilai ditambah meningkat kepada RM3.69 bilion. Perubahan ini menunjukkan penstrukturan semula industri yang semakin fokus kepada segmen bernilai tinggi dan berorientasikan eksport, terutamanya sarung tangan getah.

Pengeluaran Pembuatan Produk Getah

Pengeluaran Getah Mutu Malaysia (GMM) dan susu getah diproses menunjukkan corak yang berbeza dari tahun 1975 hingga 2023. Pengeluaran GMM meningkat dengan ketara dari tahun 1975 hingga akhir 1980-an mencecah lebih 800 ribu tan metrik diikuti ketidakstabilan yang berterusan sehingga sebelum mencapai pengeluaran tertinggi iaitu 1.1 juta tan metrik pada 2006. Selepas itu, pengeluaran GMM kembali menunjukkan tren ketidakstabilan yang berterusan.

Carta 11: Pengilangan Semula Getah dan Prosesan Susu Getah, 1975–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Sebaliknya, pengeluaran susu getah diproses meningkat sedikit sehingga akhir 1980-an tetapi kekal lebih rendah berbanding GMM. Selepas tahun 2000, pengeluaran susu getah diproses menunjukkan trend menurun yang konsisten, mencerminkan pengurangan aktiviti pemprosesan susu getah dalam negara.



Pengeluaran tayar dan tiub dalam industri pembuatan Malaysia telah mengalami beberapa fasa perubahan dari tahun 1975 hingga 2023. Pada awalnya, pertumbuhan industri ini didorong oleh peningkatan permintaan domestik selari dengan perkembangan sektor automotif negara serta sokongan kerajaan melalui dasar perindustrian.

Sepanjang 1980-an hingga 1990-an, industri tayar dan tiub berkembang pesat berikutan peningkatan eksport dan kemasukan pelaburan dalam sektor ini. Namun, sejak awal 2000-an, industri ini berdepan cabaran seperti persaingan dengan produk import, peningkatan kos bahan mentah, serta perubahan dalam teknologi pembuatan yang beralih kepada tayar tanpa tiub. Walaupun terdapat ketidakstabilan dalam pengeluaran, permintaan tayar tetap stabil disebabkan pertumbuhan kenderaan di Malaysia dan rantau ASEAN.

Carta 12: Pengeluaran Tayar Getah Untuk Kenderaan, 1975–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 12 menunjukkan pengeluaran tayar pneumatik meningkat daripada 3.4 juta unit pada tahun 1975 kepada paras tertinggi 16.6 juta unit pada 2012. Namun, selepas 2015, trend pengeluaran mula menyusut dengan ketara dan hanya mencatatkan 4.8 juta unit pada 2023.


Dalam tempoh yang sama, pengeluaran tiub dalam turut menunjukkan penurunan berterusan, daripada 25.3 juta unit pada 2003 kepada hanya 0.8 juta unit pada 2023. Penurunan ini sejajar dengan peralihan industri automotif kepada penggunaan tayar tanpa tiub (*tubeless*) yang lebih efisien dari segi reka bentuk dan penyelenggaraan.



Seperti ditunjukkan di **Carta 13**, pengeluaran sarung tangan getah mencatatkan pertumbuhan ketara sejak 2018, dengan peningkatan mendadak selepas 2019. Tahun 2021 merekodkan paras tertinggi sebanyak 136.8 juta pasang, didorong oleh lonjakan permintaan global semasa pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, pengeluaran menurun pada 2022, mencerminkan penyusutan permintaan pasca pandemik serta faktor lain seperti lebih bekalan dan perubahan dalam struktur pasaran global.

Sebaliknya, pengeluaran kasut getah kekal rendah dan menunjukkan trend menurun sejak awal 2000-an. Faktor seperti persaingan daripada kasut sintetik yang lebih ringan dan murah, perubahan dalam pilihan pengguna serta inovasi teknologi dalam industri kasut menyumbang kepada penurunan ini. Industri kasut getah

Carta 13: Pengeluaran Sarung Tangan dan Kasut Getah, 1975–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

menunjukkan arah aliran bertentangan di mana pengeluaran pernah mencecah 6.9 juta pasang pada 2008 tetapi telah merosot lebih 70 peratus kepada hanya 1.8 juta pasang pada 2023. **Carta 13** turut menunjukkan penurunan sejak 2010, apabila pengeluaran kasut getah mula menurun daripada 6.7 juta pasang (2010) kepada 3.1 juta (2019), sebelum menyusut secara drastik semasa dan selepas pandemik.



Nilai Jualan Pembuatan Produk Getah

Nilai jualan kasut getah mencatatkan penurunan daripada RM306.0 ribu pada 2021 kepada RM301.0 ribu pada 2023. Kejatuhan ini didorong oleh perubahan gaya hidup pengguna yang kini lebih cenderung kepada kasut sintetik yang lebih ringan, murah dan mudah diperolehi (MIDA, 2022).

Industri pembuatan tayar dan komponen getah untuk kenderaan pernah mengalami pertumbuhan pesat, meningkat daripada RM1.50 bilion pada tahun 2000 kepada RM6.20 bilion pada 2021 (LGM, 2022). Namun selepas mencapai kemuncak tersebut, nilai jualan merosot kepada RM3.5 bilion pada 2023. Peralihan kepada kenderaan elektrik (EV), yang secara amnya menggunakan lebih sedikit getah, menjadi faktor utama penyusutan ini. Dasar Automotif Nasional (NAP 2020) yang menggalakkan pembangunan dan pelaburan dalam EV turut memberi cabaran kepada industri tayar tempatan dalam menyesuaikan diri dengan teknologi dan keperluan baharu (MITI, 2021).

Jadual 6: Nilai Jualan Pembuatan Produk Getah, 1990–2023

(RM juta)

Tahun	Jumlah	Pembuatan kasut getah	Pembuatan tayar untuk kenderaan	Pembuatan sarung tangan getah	Pembuatan produk getah lain yang t.t.t.l.
1990	919.0	246.6	671.2	0.0	1.2
2000	6,979.6	253.9	1,495.2	0.0	5,230.5
2010	13,565.5	0.0	2,052.7	7,785.4	3,727.3
2020	54,971.0	288.0	4,872.0	44,219.0	5,592.0
2021	78,824.0	306.0	6,175.0	65,418.0	6,925.0
2022	58,704.0	282.0	4,885.0	46,911.0	6,626.0
2023	53,964.0	301.0	3,467.0	44,199.0	5,997.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pembuatan sarung tangan getah pula mencatatkan pertumbuhan luar biasa semasa pandemik COVID-19, apabila nilai jualan melonjak daripada RM10.37 bilion pada 2015 kepada RM44.22 bilion pada 2020, sebelum mencapai kemuncak RM65.42 bilion pada 2021. Namun, pasaran mulai stabil selepas pandemik, menyebabkan jualan menurun kepada RM44.20 bilion pada 2023.

Walau bagaimanapun, Malaysia terus mengekalkan kedudukan sebagai peneraju global, disokong oleh DAKN 2021–2030 yang menekankan inovasi dan automasi untuk meningkatkan daya saing (KPK, 2021).

Sementara itu, pembuatan produk getah lain menunjukkan pertumbuhan stabil dan mampan, dengan nilai jualan meningkat daripada RM3.03 bilion pada 1995 kepada RM6.00 bilion pada 2023, pertumbuhan sebanyak 97.7 peratus dalam hampir tiga dekad (**Jadual 6**). Peningkatan ini disokong oleh permintaan dalam industri pembinaan, perubatan dan perkilangan. DAKN 2021–2030 turut menggalakkan pengeluaran produk getah bernilai tinggi seperti peralatan perubatan dan bahan binaan tahan lama untuk memperkukuh daya saing industri tempatan (KPK, 2021).

Paparan 3: Aspirasi Khusus Komoditi Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN 2021-2030)



Sumber: Kementerian Perlindungan dan Komoditi



SEGMENT HILIRAN (PERDAGANGAN BORONG)

Industri Perdagangan Borong Getah

Industri perdagangan borong getah di Malaysia mengalami perubahan ketara dalam tempoh 2010 hingga 2022, dipengaruhi oleh faktor domestik dan global seperti permintaan eksport, dasar kerajaan serta perkembangan dalam sektor perkilangan dan automotif. Nilai output kasar bagi industri ini meningkat dengan ketara daripada RM41.3 juta pada 2010 kepada RM2.6 bilion pada 2020, sebelum menurun sedikit kepada RM2.3 bilion pada 2022 (**Jadual 7**). Peningkatan mendadak pada 2020 dikaitkan dengan lonjakan permintaan sarung tangan getah akibat pandemik COVID-19, yang menyumbang kepada eksport yang tinggi dalam tempoh tersebut (DOSM, 2021). Walau bagaimanapun, penurunan pada 2022 mencerminkan normalisasi pasaran selepas pandemik dan penyesuaian dalam permintaan global terhadap produk berasaskan getah.

Dari segi nilai input perantaraan, jumlah yang dibelanjakan untuk bahan mentah dan kos pengeluaran turut meningkat sejajar dengan pertumbuhan industri. Pada 2010, nilai input perantaraan merekodkan RM9.1 juta, tetapi melonjak kepada RM1.65 bilion pada 2020 dan menurun sedikit kepada RM1.39 bilion pada 2022.

Jadual 7: Statistik Utama Industri Perdagangan Borong Getah¹, 2010, 2020 dan 2022

Tahun	Bil. Pertubuhan	Nilai Output Kasar (RM '000)	Nilai Input Perantaraan (RM '000)	Nilai Ditambah (RM '000)	I/O
Jumlah perdagangan borong getah					
2010	1,415	41,285.2	9,097.3	32,187.9	0.22
2020	1,922	2,602,129.5	1,654,125.8	948,003.8	0.64
2022	1,342	2,278,756.4	1,385,101.7	893,654.7	0.61
(i) Jualan borong getah					
2010	1,198	40,234.4	8,772.9	31,461.5	0.22
2020	1,489	2,341,917.1	1,571,862.5	770,054.6	0.67
2022	1,021	1,874,607.0	1,252,653.00	621,954.0	0.67
(ii) Jualan borong sekerap getah					
2010	217	1,050.8	324.4	726.4	0.31
2020	433	260,212.4	82,263.2	177,949.2	0.32
2022	321	404,149.4	132,448.7	271,700.7	0.33

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

¹Merujuk kepada pertubuhan yang diliputi dalam Banci Ekonomi.

Kenaikan ketara pada 2020 sebahagian besarnya berpunca daripada keperluan pengeluaran yang tinggi untuk memenuhi permintaan global bagi produk getah, terutamanya dalam sektor perubatan. Walaupun terdapat sedikit penurunan pada 2022, tahap penggunaan input perantaraan masih tinggi, mencerminkan daya tahan industri dalam menghadapi cabaran selepas pandemik serta perubahan dalam rantaian bekalan global.

Nilai ditambah menggambarkan sumbangan sebenar industri ini kepada ekonomi, menunjukkan pola pertumbuhan yang stabil. Pada 2010, sektor ini menyumbang RM32.2 juta dalam nilai ditambah, meningkat kepada RM948 juta pada 2020, sebelum sedikit berkurang kepada RM893.6 juta pada 2022 (**Jadual 7**). Lonjakan besar pada 2020 mencerminkan keuntungan luar biasa yang diraih oleh syarikat pengeluar dan pengedar getah berikutan peningkatan harga dan permintaan. Walaupun nilai ditambah mengalami sedikit penyusutan pada 2022, angka ini masih tinggi berbanding 2010, menunjukkan industri ini kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia (Bank Negara Malaysia, 2023).




Dari segi nisbah input-output (I/O), ia meningkat daripada 0.22 pada 2010 kepada 0.64 pada 2020, sebelum sedikit menurun kepada 0.61 pada 2022. Nisbah ini menggambarkan kos input yang meningkat ketara dalam industri, di mana output yang dihasilkan lebih rendah berbanding kos input. Kenaikan pada 2020 dan 2022 dapat dikaitkan dengan peningkatan kos bahan mentah serta persaingan dari negara lain seperti Thailand dan VietNam dalam pasaran getah global (MITI, 2022).

Margin Industri Jualan Borong Getah

Margin kasar industri jualan borong getah telah mengalami perubahan ketara sejak beberapa dekad yang lalu seperti di **Carta 14**, mencerminkan pelbagai faktor ekonomi dan pasaran yang mempengaruhi industri ini. Pada tahun 1970, margin kasar industri ini adalah sebanyak 9.0 peratus. Pada tahun 1993, margin meningkat kepada 22.6 peratus sebelum mengalami penurunan ketara sebanyak 13.0 peratus pada tahun 2001.


Penurunan margin kasar pada tahun 2001 boleh dikaitkan dengan kemelesetan ekonomi global yang memberi kesan kepada permintaan industri. Selain itu, harga getah dunia mengalami kejatuhan disebabkan oleh lebih bekalan (BNM, 2002). Lambakan bekalan ini menyebabkan penurunan harga getah di pasaran antarabangsa, sekali gus mengecilkan margin keuntungan dalam industri jualan borong getah.

Carta 14: Margin Kasar Industri Jualan Borong Getah, 1970–2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada tahun 2013, margin meningkat dengan ketara kepada 24.7 peratus dan kadar ini kekal tahun 2018. Pada tahun 2022, margin industri ini meningkat sedikit kepada 24.8 peratus. Peningkatan ketara pada tahun 2013 ini boleh dikaitkan dengan harga getah SMR 20 yang mencatatkan antara harga tertinggi yang pernah direkodkan (Media terkini online (Edisi Sabah), 2024). Berdasarkan **Carta 15**, harga getah SMR 20 meningkat dari 205.56 sen/kg pada tahun 2001 kepada 774.68 sen/kg.


Carta 15: Harga Purata Getah Tahunan, Malaysia, 1973–2023

Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Margin Industri Jualan Borong Sekerap Getah

Jualan borong sekerap getah merujuk kepada penjualan sekerap getah dalam kuantiti besar daripada pengeluar atau pembekal kepada peruncit, pengilang atau syarikat pemprosesan getah. Biasanya, pembeli dalam kategori ini adalah syarikat yang menggunakan sekerap getah sebagai bahan mentah untuk menghasilkan produk lain seperti tayar, kasut atau barangan getah industri.

Sekerap getah merupakan hasil sampingan daripada industri hulu getah, yang merangkumi penanaman pokok getah, penorehan dan pengumpulan lateks sebelum diproses lebih lanjut. Antara faktor yang mempengaruhi margin dalam sektor ini adalah harga pasaran getah asli di pasaran global. Jika harga getah asli meningkat, nilai sekerap getah juga meningkat kerana ia menjadi alternatif bahan mentah dalam industri pemprosesan getah.

Carta 16: Margin Kasar Industri Jualan Borong Sekerap Getah, 1970–2022

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Berdasarkan **Carta 16**, margin kasar jualan borong untuk sekerap getah menunjukkan margin kasar sebanyak 16.2 peratus pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, margin menurun sedikit pada tahun 2018 kepada 15.8 peratus. Penurunan margin ini boleh dikaitkan dengan penurunan harga getah dari 774.68 sen/kg pada 2013 kepada 543.56 sen/kg pada tahun 2018. Margin kasar bagi jualan borong sekerap getah kembali meningkat pada tahun 2022 kepada 16.9 peratus, selari dengan kenaikan harga getah.

16.9%



**Industri Jualan borong
sekerap getah merekodkan
margin terendah dalam
aktiviti huluhan
Perdagangan borong &
runcit pada tahun 2022**




SEGMENT PERDAGANGAN ANTARABANGSA

Eksport Getah Asli Malaysia

Pada tahun 1970-an dan 1980-an, eksport getah asli kekal stabil dengan nilai meningkat daripada RM1.7 bilion kepada RM4.45 bilion. Kerajaan pada waktu itu menumpukan kepada dasar perladangan berskala besar dan pengukuhan sektor getah menerusi DEB (1971-1990) yang bertujuan meningkatkan penyertaan bumiputera dalam industri.

Carta 17: Kuantiti dan Nilai Eksport Getah Asli, 1970–2023



Sumber: Kementerian Perladangan dan Komoditi

Pada masa yang sama, LGM memainkan peranan dalam R&D bagi meningkatkan hasil pengeluaran dan daya tahan tanaman. Memasuki era 1990-an, industri getah mula berdepan persaingan sengit daripada Thailand dan Indonesia. Pelan Induk Perindustrian (IMP) 1986-1995 dan IMP2 (1996-2005) memberi tumpuan kepada peningkatan nilai tambah melalui pembangunan industri hiliran seperti sarung tangan dan produk automotif berasaskan getah. Peralihan ini sejajar dengan perubahan strategi kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan kepada eksport bahan mentah dan menggalakkan eksport barangan siap.

Dalam dekad 2000-an, Malaysia terus memperkukuh industri hiliran dengan penyelidikan dan inovasi produk berasaskan getah. Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) 2006-2020 menekankan kepentingan R&D serta penggunaan teknologi moden dalam sektor ini. Perkembangan ini sejajar dengan pertumbuhan pesat industri sarung tangan getah yang menjadikan Malaysia pengeluar terbesar dunia bagi produk ini. Namun, industri getah juga mengalami ketidakstabilan harga yang ketara. Walaupun nilai eksport mencapai paras tertinggi RM13.5 billion susulan lonjakan harga pada tahun 2011, namun harga mulai merosot disebabkan oleh ketidakpastian pasaran global (**Carta 17**).

Sejak 2012, kerajaan terus menggalakkan transformasi industri getah melalui dasar yang lebih berstruktur. Pelan Transformasi Industri Getah (2012-2020) memberi fokus kepada penggunaan teknologi moden, automasi dan pembangunan produk bernilai tinggi seperti tayar dan produk berasaskan getah. Dasar Agrikomoditi 2021–2030 pula menekankan kelestarian pengeluaran getah asli dengan amalan pertanian pintar dan insentif kepada pekebun kecil. Dalam aspek teknologi, RMKe-12 memberi penekanan kepada pendigitalan industri getah, termasuk pemantauan tanaman menggunakan *Internet of Things* (IoT) serta mekanisme bagi meningkatkan produktiviti. Langkah ini penting untuk mengurangkan kos operasi dan menangani isu kekurangan tenaga kerja.

Dari sudut perdagangan, kerajaan menerusi Dasar Perdagangan Nasional 2023-2027 dan Kerangka Ekonomi Madani menggalakkan kepelbagaian pasaran eksport getah Malaysia. Ini termasuk memperluaskan pasaran India, Timur Tengah dan Amerika Latin, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat dan Eropah.

Walaupun kuantiti eksport getah asli Malaysia menurun sejak 1970, strategi kerajaan dalam mengembangkan industri hiliran, meningkatkan daya saing menerusi teknologi serta memperkukuh jaringan perdagangan antarabangsa mendorong negara kekal sebagai pemain utama dalam industri getah global.




Eksport Getah Asli Mengikut Negara Dituju

Pada awal perdagangan, eksport getah asli tertumpu kepada Amerika Syarikat (U.S.A.), United Kingdom (UK) dan Singapura. Ini sejajar dengan hubungan perdagangan dan peranan Singapura sebagai hab perdagangan serantau. Walau bagaimanapun, eksport getah asli ke China dan Korea mulai meningkat pada 1980, mencerminkan pembukaan ekonomi negara berkenaan. Pada ketika ini, kerajaan tertumpu kepada pemodenan sektor pertanian melalui DEB, namun getah masih kekal sebagai eksport utama.

Eksport ke negara-negara Eropah seperti UK dan Jerman mulai merosot selepas 1980, sementara permintaan daripada Korea dan Jepun meningkat dengan ketara. Ini sejajar dengan perkembangan industri automotif dan pembuatan bagi negara-negara tersebut. Singapura sebelum ini menjadi pusat eksport utama menunjukkan kemerosotan besar selepas 1990 kerana Malaysia mula mengurangkan kebergantungan kepada negara perantara. Ketika ini, Dasar Perindustrian Negara mula diperkenalkan dengan penekanan kepada sektor pembuatan sebagai pengganti eksport komoditi.

Carta 18: Eksport Getah Asli mengikut Negara Dituju, 1970–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Menjelang 2005, China menjadi pasaran utama bagi eksport getah asli Malaysia, meningkat daripada 40.5 ribu tan metrik pada 1995 kepada 386.1 ribu tan metrik pada 2005. Ini selari dengan perkembangan pesat sektor automotif dan pembuatan di China selepas penyertaannya dalam *World Trade Organization* (WTO) pada 2001. Sebaliknya, eksport ke Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jerman semakin merosot menunjukkan perubahan dinamik pasaran global. Malaysia ketika ini memperkukuh Dasar Perindustrian Kedua dengan penekanan kepada sektor hiliran getah seperti sarung tangan dan tayar.

China terus menjadi pengimport utama getah asli Malaysia dengan lebih 300 ribu tan metrik setahun, sementara eksport ke Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun semakin mengecil. Korea yang sebelum ini merupakan pasaran utama, juga menyaksikan penurunan ketara. Ini sejajar dengan perubahan strategi kerajaan dalam RMKe-10 dan RMKe-11 yang mempromosikan industri berasaskan teknologi tinggi dan mengurangkan kebergantungan kepada eksport bahan mentah.




Eksport Getah Asli Mengikut Jenis Terpilih

Pada tahun 1970, jumlah eksport mencecah 1.3 juta tan metrik, namun pada 2023 menyusut kepada 578.7 ribu tan metrik yang dieksport. Eksport Getah Asap Berbunga (GAB) mengalami penurunan ketara daripada 758.5 ribu tan metrik pada 1970 kepada hanya 0.5 ribu tan metrik pada 2023 menunjukkan pengurangan permintaan akibat peralihan kepada produk getah yang berteknologi tinggi.

GAB merupakan getah yang diproses melalui pengasapan untuk meningkatkan ketahanan dan kestabilan kualitinya. Ia banyak digunakan dalam industri tayar dan produk getah teknikal. Penurunan ini juga selari dengan dasar kerajaan yang memberi penekanan kepada peningkatan nilai tambah industri getah melalui penyelidikan dan inovasi, sejajar dengan pelaksanaan RMKe-8 dan RMKe-9.

Carta 19: Eksport Getah Asli mengikut Jenis Terpilih, 1970–2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

GMM pula adalah getah blok berkualiti tinggi yang diproses secara terkawal untuk memastikan ketulenan dan ketekalan spesifikasi. Getah ini digunakan secara meluas dalam industri automotif dan pembuatan komponen industri berasaskan getah. Eksport GMM meningkat daripada 169.1 ribu tan metrik pada 1970 kepada 1.06 juta tan metrik pada 2006 yang merupakan eksport tertinggi bagi tempoh tersebut. Pada tahun 2023, eksport GMM menurun kepada 561.0 ribu tan metrik.

Sementara itu, eksport lateks pekat mencatatkan sebanyak 172.6 ribu tan metrik pada 1970 dan mencapai nilai tertinggi 301.7 ribu tan metrik pada 1988 sebelum menurun kepada 17.0 ribu tan metrik pada 2023. Produk ini digunakan dalam industri sarung tangan dan barangan getah berasaskan lateks. Peningkatan permintaan terhadap lateks pekat pada akhir 1980-an hingga 1990-an disokong oleh dasar kerajaan yang menggalakkan perkilangan berasaskan getah, termasuk insentif kepada syarikat yang terlibat dalam pengeluaran sarung tangan.

Perkembangan ini mencerminkan usaha kerajaan dalam memodenkan industri getah melalui R&D dan penggunaan teknologi pemprosesan yang diterajui oleh LGM. Dasar kerajaan termasuk Pelan Transformasi Industri Getah menekankan pengeluaran produk bernilai tambah tinggi seperti sarung tangan dan produk berasaskan getah.



Eksport Sarung Tangan Getah mengikut Negara Dituju Terpilih

Eksport sarung tangan getah Malaysia menunjukkan pertumbuhan ketara sejak tahun 2000, dengan peningkatan luar biasa pada tahun 2020 impak daripada permintaan tinggi semasa pandemik COVID-19. Berdasarkan **Jadual 8**, pada tahun 2000, nilai eksport sarung tangan getah secara keseluruhan ialah RM3.3 bilion, dengan Amerika Syarikat (RM1.6 bilion) sebagai pasaran utama. Pada 2020, jumlah eksport melonjak kepada RM35.9 bilion, didorong oleh peningkatan permintaan global untuk peralatan perlindungan perubatan.

Amerika Syarikat kekal sebagai destinasi eksport terbesar, mencatatkan peningkatan daripada RM1.6 bilion (2000) kepada RM11.9 bilion (2020). Negara-negara Eropah seperti Jerman dan United Kingdom turut mencatatkan peningkatan ketara, masing-masing mencapai RM2.2 bilion dan RM2.1 bilion pada 2020. Sementara itu, eksport ke China meningkat kepada RM1.5 bilion, mencerminkan kepelbagaian pasaran.

Jadual 8: Eksport Sarung Tangan Getah mengikut Negara Dituju, 2000–2023

(RM juta)							
Tahun	Jumlah	U.S.A.	Germany	United Kingdom	Japan	China	Lain-lain Negara
1990	3,329.2	1,619.9	164.5	264.3	200.7	62.2	1,017.7
2000	8,915.5	3,259.9	736.1	419.0	469.5	109.7	3,921.3
2010	35,919.8	11,895.4	2,316.7	2,201.8	2,048.0	1,619.0	15,838.8
2020	54,813.2	21,417.3	3,593.8	2,365.6	2,949.9	1,578.0	22,908.6
2021	19,040.7	6,095.9	1,273.6	656.4	1,229.6	1,129.4	8,655.8
2022	11,841.4	4,194.4	632.3	405.0	930.2	534.4	5,145.1
2023	3,329.2	1,619.9	164.5	264.3	200.7	62.2	1,017.7

Sumber: Kementerian Perlindungan dan Komoditi

Lonjakan eksport pada 2020 banyak dipengaruhi oleh pandemik COVID-19 yang meningkatkan permintaan global terhadap sarung tangan getah. Kerajaan Malaysia melalui LGM dan insentif pelaburan dalam industri getah membantu memperkukuh pengeluaran dan daya saing pemain industri.



Selepas tempoh kemuncak semasa pandemik COVID-19, eksport sarung tangan getah menunjukkan penurunan ketara berikutan dengan penyusutan harga global dan lebih bekalan di pasaran antarabangsa. Nilai eksport merosot daripada RM54.8 bilion pada 2021 kepada RM19.0 bilion pada 2022, menandakan permulaan fasa penyusunan semula strategi dalam kalangan pengeluar tempatan (MIDA, 2023). Walaupun pengeluaran kekal tinggi, tekanan harga dan persaingan serantau menjejaskan nilai keseluruhan eksport.


Dalam jangka sederhana, kelangsungan industri bergantung kepada kemampuan Malaysia mengekalkan kelebihan daya saing melalui inovasi produk, pematuhan kepada piawaian *Environmental, Social, and Governance* (ESG), dan akses ke pasaran baharu seperti Timur Tengah dan Afrika. Sokongan dasar seperti DAKN 2021-2030 dan NIMP 2030 memainkan peranan penting dalam mendorong peralihan industri ke arah produk nilai tambah, automasi pintar dan kepelbagaian pasaran eksport.

Import Getah Asli Malaysia

Sepanjang dekad 1970-an, import getah asli kekal pada paras yang stabil, dengan nilai antara 30,000 hingga 50,000 tan metrik setahun. Keperluan industri automotif dan pembuatan getah Malaysia yang semakin berkembang mendorong peningkatan permintaan, selaras dengan DEB yang menekankan perindustrian sebagai pemacu pertumbuhan.

Menjelang 1980, peningkatan harga getah di pasaran antarabangsa turut menyebabkan nilai import meningkat kepada RM109.2 juta. Awal 1980-an menyaksikan penurunan import akibat kemelesetan ekonomi global dan kejatuhan harga komoditi, termasuk getah. Kuantiti import merosot sehingga 23,300 tan metrik pada 1982. Namun, selepas 1984, import kembali meningkat susulan pelaksanaan Dasar Penswastan yang menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan getah. Menjelang 1989, import melonjak kepada 122.3 ribu tan metrik yang bernilai RM213.6 juta, sejajar dengan peningkatan eksport produk getah Malaysia seperti sarung tangan perubatan (**Carta 20**).

Carta 20: Kuantiti dan Nilai Import Getah Asli, 1970–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sepanjang 1990-an, import terus meningkat dengan ketara, didorong oleh Dasar Perindustrian Negara yang memperkukuhkan sektor pembuatan. Pada 1998, jumlah import mencapai 564.1 ribu tan metrik bernilai RM1.18 bilion, menunjukkan kebergantungan tinggi terhadap getah asli untuk industri tempatan. Namun, Krisis Kewangan Asia 1997/98 menyebabkan kenaikan kos import susulan penurunan Ringgit Malaysia, walaupun permintaan masih kukuh.

Peningkatan permintaan terhadap sarung tangan getah Malaysia dalam pasaran global mendorong import getah asli berada pada tahap tertinggi. Pada 2009, import mencecah 738.1 ribu tan metrik bernilai RM4.45 bilion. Lonjakan harga komoditi global pada 2010 menyumbang kepada peningkatan mendadak nilai import kepada RM5.77 bilion, sejajar dengan permintaan eksport.

Dari 2011 hingga 2013, import getah terus meningkat dengan harga yang tinggi, tetapi selepas 2014, harga getah dunia mengalami penurunan, menyebabkan nilai import merosot walaupun kuantiti kekal tinggi. Walaupun Dasar Komoditi Negara 2011–2020 menyasarkan peningkatan pengeluaran tempatan, kebergantungan terhadap import tetap tinggi bagi memenuhi permintaan industri. Pada 2020, import mencecah 1.22 juta tan metrik susulan peningkatan permintaan global terhadap sarung tangan getah akibat pandemik COVID-19.

Selepas lonjakan import pada 2020, permintaan masih tinggi pada 2021 dan 2022 dengan import melebihi 1.16 juta tan. Nilai import kekal tinggi pada sekitar RM7.2 bilion, dipengaruhi oleh faktor harga getah dunia dan pemulihan ekonomi pasca-pandemik.




Import Getah Asli mengikut Negara Asal

Import getah asli Malaysia berkembang mengikut keperluan industri hiliran dan perubahan dasar kerajaan. Pada 1970-an hingga 1980-an, Malaysia merupakan pengeluar utama getah asli. Oleh itu, nilai import tidak signifikan dan bergantung kepada negara-negara jiran sebagai negara pembekal getah asli kepada Malaysia. Thailand dan Indonesia menjadi sumber utama dengan sumbangan kecil daripada Burma (kini Myanmar).

Pada pertengahan 1990-an, import getah meningkat ketara, terutamanya daripada Thailand, yang menjadi pembekal utama dengan 165.0 ribu tan metrik pada 1995, seiring dengan pertumbuhan industri sarung tangan getah dan tayar.

Negara Asia Tenggara seperti VietNam, Kemboja, dan Filipina mula menjadi pembekal kepada import Malaysia. Kerajaan memperkenalkan Dasar Perindustrian Negara (1986) dan Dasar Pertanian Negara (1992) bagi mendorong nilai tambah dalam industri getah, yang mempercepatkan permintaan bahan mentah dari luar.

Carta 21: Lima Negara Tertinggi Pembekal Getah Asli kepada Malaysia, 1970–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada 2000-an, import melonjak ke hampir 700 ribu tan metrik, dengan sumber semakin pelbagai termasuk India dan negara Afrika seperti Liberia dan Nigeria. Permintaan tinggi dalam industri automotif dan perubatan terus memacu import, dengan Côte D'Ivoire dan Ghana turut menjadi pembekal utama pada 2020.


Namun, selepas kemuncak 1.22 juta tan metrik pada tahun 2020, import mulai merosot mencecah 1.0 juta tan metrik pada 2023. Pengurangan ini disebabkan oleh kelembapan ekonomi global dan peralihan kepada getah sintetik. Walaupun Thailand kekal sebagai pembekal utama, import dari Afrika terus memainkan peranan penting. Kerajaan kini memberi tumpuan kepada ekonomi digital dan Revolusi Industri 4.0 untuk menyesuaikan hala tuju sektor pembuatan berasaskan getah dalam landskap ekonomi baharu.



Import Getah Asli mengikut Jenis Terpilih

Import getah asli Malaysia berubah mengikut keperluan industri, dasar kerajaan, dan keadaan ekonomi. Import GAB meningkat selepas 1995, selari dengan DPN yang menggalakkan pembangunan sektor pembuatan dan eksport. Pada 1999, import mencapai 109.1 ribu tan metrik, manakala pada 2023, jumlahnya meningkat kepada 120.4 ribu tan metrik. Pertumbuhan ini turut disokong oleh industri automotif tempatan di bawah NAP, yang meningkatkan permintaan terhadap getah dalam pembuatan tayar dan komponen kenderaan.

Carta 22: Import Getah Asli mengikut Jenis Terpilih, 1970–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selepas 2021, import menurun kepada 286.9 ribu tan metrik pada 2022 dan 200.3 ribu tan metrik pada 2023, seiring usaha meningkatkan pengeluaran tempatan menerusi DAKN 2030. Penurunan ini juga berkait dengan peralihan industri kepada getah sintetik sebagai sebahagian daripada strategi Revousi Industri 4.0.

Import getah berpiawaian mula direkodkan pada 2002 dengan 55.1 ribu tan metrik dan meningkat hingga 356.5 ribu tan metrik pada 2013 sebelum menurun secara beransur-ansur. Pada 2022, import berkurang kepada 143.8 ribu tan metrik tetapi meningkat sedikit kepada 214.2 ribu tan metrik pada 2023. Walau bagaimanapun, perjanjian perdagangan seperti Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan Perjanjian

Perdagangan Bebas Malaysia-China (MCFTA) memudahkan akses kepada bahan mentah dengan tarif lebih rendah. Peningkatan pada 2023 dikaitkan dengan pemulihan sektor perkilangan di bawah Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PENJANA).

Import kategori lain, termasuk getah keping basah, sekerap, getah gumpal dan keratan daripada GAB untuk dikilang semula, meningkat mendadak selepas 1990, daripada 165.9 ribu tan metrik pada 1993 kepada 709.0 ribu tan metrik pada 2000. Selepas tempoh stabil pada 2000-2010, import kembali meningkat selepas 2015 dan mencapai 644.1 ribu tan metrik pada 2020, sebelum menurun kepada 468.0 ribu tan metrik pada 2023. Peningkatan ini seiring dengan penswastaan industri di bawah Dasar Penswastaan Negara, yang menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam pemprosesan semula getah. Selain itu, permintaan tinggi dari sektor elektronik dan pembuatan yang dipacu oleh Dasar Industri Berteknologi Tinggi (HITP), turut menyumbang kepada pertumbuhan import kategori ini.


Malaysia kini berusaha mengurangkan kebergantungan terhadap import dengan meningkatkan pengeluaran domestik dan automasi industri menerusi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) serta strategi di bawah RMKe-13. Walaupun terdapat penurunan dalam beberapa kategori, perdagangan antarabangsa tetap penting untuk memastikan bekalan stabil dan menyokong pertumbuhan sektor hiliran, termasuk produk berasaskan getah seperti komponen automotif dan pertumbuhan sektor hiliran termasuk produk berasaskan getah seperti komponen automotif dan barangan perubatan.



Purata Harga Getah Asli Malaysia

Purata harga getah di Malaysia menunjukkan ketidakstabilan yang ketara sepanjang hampir lima dekad, mencerminkan perubahan dasar ekonomi domestik dan faktor global. Pada 1970-an, harga getah meningkat dengan ketara daripada 131.7 sen/kg pada 1975 kepada 271.0 sen/kg pada 1980, dipacu oleh permintaan global yang kukuh serta dasar kerajaan seperti DEB yang memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar dan pekebun kecil (EPU, 2020). Walau bagaimanapun, kebergantungan ekonomi kepada komoditi yang masih tinggi menjadikan negara terdedah kepada ketidakstabilan harga global.

Carta 23: Purata Harga Getah Asli, 1975–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada 1980-an, harga getah mengalami ketidaktentuan akibat kelembapan ekonomi dunia dan lebih bekalan, merosot kepada RM173.4 sen/kg pada 1985. Dalam tempoh ini, kerajaan mula mempergiatkan peralihan ekonomi ke sektor perindustrian dengan melancarkan Dasar Perindustrian Negara (1985). Walaupun harga pulih kepada RM277.9 sen/kg pada 1988 industri getah semakin kehilangan daya saing berbanding kelapa sawit, yang mendapat insentif besar melalui agensi seperti FELDA dan RISDA.

Pada 1990-an, harga getah kekal dalam lingkungan RM200–300 sen/kg, namun terkesan oleh Krisis Kewangan Asia 1997/98, yang menyebabkan harga jatuh kepada RM226.4 sen/kg pada 1999.

Kejatuhan nilai Ringgit ketika itu memberi sedikit kelegaan kepada eksport getah tetapi dalam jangka panjang, kebergantungan kepada eksport sahaja tidak mencukupi untuk menstabilkan harga getah.

Pada 2000-an, harga getah melonjak dengan mendadak, daripada RM381.0 sen/kg pada 2003 kepada 1,348.3 sen/kg pada 2011. Kenaikan ini dipacu oleh permintaan tinggi dari China, terutamanya dalam industri automotif dan sarung tangan getah. Dasar Penswastaaan dan peralihan ke ekonomi berasaskan pengetahuan (K-Ekonomi) turut memperkukuh sektor pemprosesan getah berkualiti tinggi. Namun, selepas 2012, harga merosot akibat lebihan bekalan dan kejatuhan harga minyak, menurun kepada 521.9 sen/kg pada 2015.

Pada 2020-an, pasaran getah terus berdepan ketidakpastian harga. Walaupun pandemik COVID-19 memberi lonjakan sementara pada 2021 (RM687.9 sen/kg), harga kembali menyusut kepada RM623.6 sen/kg pada 2023, seiring dengan pemulihan bekalan global. Dalam konteks ini, kerajaan mula menumpukan kepada industri hiliran seperti pembuatan sarung tangan dan produk berasaskan lateks, sejajar dengan RMKe-12 yang menekankan inovasi dan nilai tambah dalam sektor komoditi.



Komoditi Getah di Thailand

Malaysia pernah menjadi peneraju dunia dalam pengeluaran getah asli, menyumbang sekitar 44 peratus kepada pasaran global pada tahun 1950-an. Namun, menjelang tahun 2022, sumbangannya merosot kepada 5.0 peratus dengan pengeluaran sebanyak 0.7 juta tan metrik (ANRPC, 2023). Sebaliknya, Thailand telah muncul sebagai pengeluar utama sejak tahun 1990-an, dan kini menghasilkan 4.8 juta tan metrik atau 35 peratus daripada pengeluaran global pada 2022 (ANRPC, 2023).

Prestasi Thailand banyak disokong oleh dasar-dasar kerajaan yang konsisten dan menyeluruh melalui penubuhan *Rubber Authority of Thailand* (RAOT), yang menyediakan subsidi kepada pekebun kecil, menggalakkan penanaman semula dengan klon berproduktiviti tinggi dan melabur dalam penyelidikan serta pembangunan produk nilai tambah seperti sarung tangan dan tayar (RAOT *Annual Report*, 2022).



การยางแห่งประเทศไทย
Rubber Authority of Thailand

Tambahan pula, kerajaan Thailand turut menubuhkan Dana Penstabilan Harga Getah bagi membantu petani menangani turun naik harga di pasaran dunia (FAO, 2021). Di samping itu, strategi perdagangan mereka yang agresif seperti pemberian insentif eksport dan pengecualian cukai ke atas produk getah terproses telah memperkukuh kedudukan Thailand dalam pasaran eksport global, terutamanya ke China, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat (ITC *Trade Map*, 2023). Malaysia, sebaliknya, lebih bergantung kepada eksport getah mentah yang merangkumi 60 peratus daripada jumlah eksport, sekaligus menyebabkan negara ketinggalan dalam pasaran produk nilai tambah (DOSM, 2023).

4.8j
tan pengeluaran
pada 2022

35%
daripada
pengeluaran global

3.6j
hektar di wilayah
Selatan Thai

60%
eksport ke China





Dari segi penggunaan tanah, Thailand mempunyai 3.6 juta hektar kawasan tanaman getah pada tahun 2022, jauh melebihi Malaysia yang tinggal 1.1 juta hektar. Kawasan getah di Malaysia telah beralih kepada tanaman kelapa sawit atas faktor pulangan yang lebih tinggi, iaitu kelapa sawit yang menjana lima kali ganda pendapatan berbanding getah bagi setiap hektar (MPIC, 2021). Malaysia juga berdepan dengan isu kekurangan buruh dan kebergantungan tinggi kepada pekerja asing, yang meningkatkan kos pengeluaran. Sebaliknya, Thailand mengekalkan struktur pengeluaran yang berpaksikan pekebun kecil, merangkumi 90 peratus daripada pengeluaran, yang terbukti lebih cekap dari segi kos dan produktiviti (World Bank, 2022).



Komoditi Getah di VietNam

VietNam pula menunjukkan pertumbuhan pesat dalam industri getah sejak awal 2000-an. Pada tahun 2022, Viet Nam telah menghasilkan 1.2 juta tan metrik getah asli, menjadikannya pengeluar ketiga terbesar dunia dengan pegangan pasaran global sebanyak 9 peratus (ANRPC, 2023). Malaysia, yang sebelum ini jauh mendahului VietNam, telah didahului oleh dekad 2010-an apabila VietNam melaksanakan pelan induk pembangunan ladang getah 2015–2020 yang menyasarkan peluasan kawasan tanaman kepada 1.0 juta hektar, khususnya di kawasan dataran tinggi dan tenggara (*VietNam Rubber Association*, 2021).

Prestasi Viet Nam turut disumbang oleh penglibatan syarikat milik kerajaan seperti *VietNam Rubber Group* (VRG) yang menerima sokongan kewangan termasuk pinjaman kerajaan bagi memperluas operasi dan eksport (VRG *Annual Report*, 2022). Tambahan lagi, VietNam menggunakan kelebihan perjanjian perdagangan bebas seperti *EU–VietNam Free Trade Agreement* (EVFTA) untuk mengeksport produk getah ke Eropah tanpa tarif, sekaligus meningkatkan daya saing berbanding Malaysia (*European Commission*, 2020).

1.2j

tan metrik
pengeluaran
pada 2022

9%

daripada
pengeluaran
global

1.0j

hektar di dataran
tinggi dan
tenggara VietNam

1,800

kg/hektar
hasil klon getah
berproduktiviti tinggi



Dari segi teknologi dan inovasi, VietNam lebih ke hadapan dengan mengadaptasi penggunaan klon getah berproduktiviti tinggi yang membolehkan purata hasil mencecah 1,800 kg/hektar, berbanding 1,200 kg/hektar di Malaysia. Malaysia pula masih ketinggalan dalam penggunaan klon baharu dengan hampir 40 peratus pokok getah berusia lebih 25 tahun yang secara umumnya mengeluarkan hasil yang rendah (MRB, 2022). Selain itu, industri getah negara turut berdepan dengan cabaran penyakit seperti jangkitan kulat *Pestalotiopsis* serta impak perubahan iklim yang turut menyumbang kepada penurunan produktiviti (LGM, 2022).

Dari segi eksport, nilai eksport getah VietNam pada 2022 mencecah USD3.5 bilion, berbanding Malaysia dengan merekodkan USD2.1 bilion. VietNam memfokuskan kepada pasaran khusus seperti getah khas untuk tayar dan pelanggan di Eropah, China serta Korea Selatan (ITC *Trade Map*, 2023).



Komoditi Getah di Indonesia

Industri getah Indonesia kekal sebagai antara pengeluar utama dunia, dengan jumlah pengeluaran getah asli dianggarkan sekitar 2.3 juta tan metrik pada tahun 2024 (ANRPC, April 2024). Walaupun anggaran awal menunjukkan potensi mencapai lebih 2.5 juta tan, realiti semasa menyaksikan penurunan sebanyak 253,000 tan, sebahagian besarnya disebabkan oleh peralihan ladang getah kepada tanaman kelapa sawit yang menawarkan pulangan ekonomi lebih tinggi.

Prestasi Indonesia sebagai pengeluar getah asli kedua terbesar dunia selepas Thailand tetap kukuh. Prestasi Indonesia dipacu oleh keluasan tanaman getah yang besar melebihi 3 juta hektar, terutamanya diusahakan oleh lebih 2 juta pekebun kecil di Sumatera, Kalimantan dan Sulawesi.

Kerajaan Indonesia pula memainkan peranan aktif melalui Badan Pengelola Dana Perkebunan (BPDP) yang memberikan subsidi penanaman semula, input pertanian dan latihan teknikal kepada pekebun kecil (GAPKINDO, 2024). Sokongan ini memastikan kesinambungan pengeluaran getah walaupun terdapat cabaran dari segi harga dan cuaca.



Badan Pengelola Dana Perkebunan (BPDP)



Dalam menghadapi kehendak pasaran global yang semakin menitikberatkan kelestarian, Indonesia memperkenalkan platform digital Ground Truthed.id (GTID) untuk memantau lokasi ladang getah dan memastikan pematuhan kepada peraturan *EU Deforestation Regulation* (EUDR) yang akan berkuat kuasa pada hujung 2025 (Rubber World, 2024). Langkah ini penting bagi mengekalkan akses eksport ke pasaran Eropah.



Info:

Ground-truthed.id (GTID) berfungsi sebagai alat penting untuk mendokumentasikan misi pengumpulan bukti di lapangan. Ia memanfaatkan teknologi terkini untuk menyampaikan maklumat secara interaktif. Sistem ini memaparkan data dan maklumat terpilih yang berkaitan dengan pemantauan alam sekitar dan penemuan fakta yang dilaporkan oleh orang awam di seluruh Indonesia.

Selain itu, syarikat global seperti Michelin dan Olam Agri telah menyumbang kepada pembangunan sektor ini melalui projek ladang mampan dan pemprosesan tempatan. Sebagai contoh, projek Royal Lestari Utama (RLU) oleh Michelin di Kalimantan dan Jambi telah menanam lebih 10 juta pokok getah dan menghasilkan lebih 32,000 tan metrik getah mampan (Michelin, 2024), manakala inisiatif *Sustainable Natural Rubber* (SNR) oleh Olam Agri melibatkan lebih 2,000 pekebun kecil melalui latihan dan pemetaan digital ladang (Olam Agri, 2024).



Secara keseluruhan, gabungan antara keluasan tanaman, dasar kerajaan yang konsisten, penglibatan syarikat antarabangsa dan pematuhan kepada piawaian kelestarian menjadikan Indonesia sebagai contoh terbaik pembangunan industri getah mampan yang berdaya saing di peringkat global.

Negara Pengimport dan Pengeksport Getah Asli

Paparan 4: Negara Pengimport dan Pengeksport Getah Asli, 2021

('000 tan metrik)




Sumber: Kungsri Research

Berdasarkan Paparan 4, China muncul sebagai pengimport getah asli terbesar dunia dengan jumlah import sebanyak 2,187 ribu tan, diikuti oleh Malaysia sebanyak 1,247 ribu tan metrik. Permintaan besar China berpunca daripada peranan sebagai hab perkilangan global, khususnya dalam industri automotif dan pembuatan tayar yang memerlukan bahan mentah dalam jumlah besar.

Malaysia sebagai pengimport kedua terbesar mencerminkan industri getah yang dominan dalam pemprosesan produk getah hiliran seperti sarung tangan, tiub dan hos industri. Pengeluaran domestik yang tidak mencukupi menyebabkan kebergantungan kepada import daripada negara jiran seperti Thailand dan Indonesia.

Dari perspekrif pengeksport, Thailand mengekalkan kedudukan sebagai pengeksport getah asli terbesar dunia dengan jumlah eksport sebanyak 3,537 ribu tan metrik, disokong oleh keluasan ladang, penyertaan pekebun kecil dan dasar kerajaan dalam menstabilkan harga serta penanaman semula.

Indonesia di kedudukan kedua, dengan 2,361 ribu tan, disokong oleh kawasan tanaman melebihi 3 juta hektar dan lebih dua juta pekebun kecil. Walaupun berdepan cabaran seperti produktiviti rendah dan peralihan kepada tanaman kelapa sawit, Indonesia kekal sebagai pembekal utama getah asli dunia.



PROSPEK MASA HADAPAN

Isu dan Cabaran Komoditi Getah Malaysia

Industri getah merupakan tonggak utama yang telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia sejak dahulu lagi. Namun, perubahan dalam landskap global menuntut strategi baharu bagi memastikan industri ini terus berdaya saing. Pada era 1960-an, Malaysia merupakan pengeluar utama getah asli dunia, namun kebergantungan tinggi kepada eksport bahan mentah berhadapan dengan ketidakstabilan harga pasaran global. Seiring dengan itu, negara jiran seperti Thailand dan Indonesia berjaya meningkatkan pengeluaran dan mengukuhkan kedudukan dalam pasaran antarabangsa (ANRPC, 2023).

Persaingan semakin kompetitif apabila industri automotif dan perkilangan mula beralih kepada getah sintetik yang lebih murah dan stabil, sekali gus mengurangkan permintaan terhadap getah asli. Pada masa yang sama, pasaran utama seperti Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat semakin menekankan aspek kelestarian dan pematuhan alam sekitar, memaksa pengeluar untuk memenuhi piawaian yang lebih ketat. Selain itu, isu buruh paksa dan pematuhan kepada standard ESG memberi cabaran tambahan kepada eksport Malaysia, terutamanya bagi syarikat yang bergantung kepada kontrak jangka panjang (ILO, 2022; MITI, 2023).

Info:

Environmental, Social and Governance (ESG) dalam industri getah merujuk kepada prinsip kelestarian yang menilai amalan persekitaran, tanggungjawab sosial dan tadbir urus sepanjang rantai nilai pengeluaran getah. Dari sudut alam sekitar, ESG menekankan penanaman getah tanpa penebangan hutan (*deforestation-free*), perlindungan biodiversiti, serta pengurusan input dan sisa yang mampan. Dari segi sosial, ia melibatkan pematuhan terhadap hak pekerja, sokongan kepada pekebun kecil, serta perlindungan hak komuniti tempatan. Komponen tadbir urus pula menuntut ketelusan, kebolehesanan (*traceability*), dan etika perdagangan. Inisiatif seperti *Global Platform for Sustainable Natural Rubber* (GPSNR) dan *Sustainable Natural Rubber Initiative* (SNR-i) telah digerakkan untuk menyelaraskan amalan ESG dalam industri getah secara global (GPSNR, 2024; IRSG, 2024).



Memasuki era 1990-an, industri hiliran mula berkembang dengan pesat terutamanya dalam pengeluaran sarung tangan getah dan produk getah automotif. Namun, industri terus berdepan isu struktur seperti kebergantungan kepada tenaga kerja asing serta kos operasi yang semakin meningkat. Pandemik COVID-19 mencetuskan lonjakan permintaan terhadap sarung tangan getah tetapi pasaran kembali stabil selepas pandemik menyebabkan lebih kapasiti pengeluaran dan kejatuhan harga. Pelaburan dalam automasi dan teknologi pintar juga masih rendah, menyukarkan industri untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing global (LGM, 2023).

Selain itu, industri getah Malaysia juga berdepan cabaran dari aspek keluasan tanaman. Keluasan bertanam getah menurun daripada lebih 1.8 juta hektar pada 1990 kepada sekitar 1.02 juta hektar pada 2023, manakala hanya 454 ribu hektar atau 44.6 peratus kawasan yang aktif ditoreh (DOSM, 2024). Penurunan ini memberi kesan langsung kepada pengeluaran dan daya tahan rantai bekalan domestik.

Golongan pekebun kecil, yang merangkumi lebih 90 peratus daripada keseluruhan pengusaha getah di Malaysia, turut berhadapan dengan pelbagai cabaran. Sebahagian besar pokok getah yang dimiliki adalah berusia lebih 25 tahun, dengan hasil yang rendah sekitar 1,200 kg/hektar, berbanding 1,800 kg/hektar di VietNam (MRB, 2022). Tambahan pula, ramai pekebun kecil tidak memiliki sumber kewangan untuk menanam semula dengan klon baharu yang lebih produktif. Dalam masa yang sama, mereka turut terdedah kepada kesan perubahan iklim, penyakit seperti *Pestalotiopsis* serta ketidakpastian harga getah yang menjejaskan pendapatan dan motivasi untuk terus menoreh (LGM, 2022).



Walaupun eksport sarung tangan getah terus mendominasi pasaran global, eksport bagi pelbagai produk hiliran lain seperti komponen automotif, produk perubatan bukan sarung tangan, bahan binaan berasaskan getah dan barangan teknikal masih rendah. Malaysia masih bergantung kepada beberapa pasaran utama, dengan lebih 70 peratus eksport tertumpu kepada Amerika Syarikat dan Eropah, menjadikan industri terdedah kepada risiko geopolitik dan sekatan bukan tarif (MATRADE, 2023). Usaha memperluas pasaran ke negara-negara seperti India, China, dan Timur Tengah masih belum mencapai potensi optimum.

Bagi memastikan kelangsungan industri getah, Malaysia perlu mengurangkan kebergantungan kepada eksport bahan mentah dan memperkuat sektor hiliran yang bernilai tinggi. Penerapan teknologi moden serta pematuhan kepada standard kelestarian global adalah langkah penting bagi mengekalkan akses ke pasaran antarabangsa. Dengan strategi yang tepat dan sokongan berterusan kepada pekebun kecil, industri getah masih berpotensi untuk menjadi pemacu ekonomi yang kukuh dan inklusif.



Prospek Masa Hadapan Industri Getah Malaysia

Kerajaan telah melaksanakan beberapa dasar utama bagi memperkukuh industri getah dalam menghadapi cabaran global dan domestik. DAKN 2021-2030 memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan pemodenan sektor ini, selain mengurangkan kebergantungan kepada eksport bahan mentah. DAKN 2021-2030 juga mendorong pembangunan industri hiliran bagi meningkatkan nilai tambah produk getah, di samping menggalakkan automasi dalam sektor perladangan untuk mengatasi isu tenaga kerja dan meningkatkan kecekapan operasi.

Thailand melaksanakan skim stabilisasi harga bagi memastikan pendapatan pekebun kecil lebih stabil, manakala Indonesia memacu pembangunan industri hiliran dengan pelaburan dalam pengeluaran getah sintetik, tayar dan komponen automotif. Sementara itu, VietNam berjaya menarik minat pasaran premium melalui pensijilan getah mesra alam membolehkannya menembusi pasaran bernilai tinggi di Eropah dan Amerika Utara.

Pekebun kecil memainkan peranan penting dalam memastikan kemampanan sektor getah negara. Peluang ini dapat diperkukuh dengan penerapan amalan pertanian moden dan kepelbagaian hasil ladang. Konsep penanaman pelbagai tanaman (*intercropping*) seperti nanas, kopi, dan herba bernilai tinggi dapat membantu meningkatkan pendapatan serta mengoptimumkan penggunaan tanah. Langkah ini bukan sahaja mengurangkan kebergantungan kepada getah sebagai satu sumber pendapatan tetapi juga membantu pekebun kecil menghadapi ketidakstabilan harga komoditi.



Trend pasaran getah dunia terus dipacu oleh permintaan daripada industri automotif dan barangan pengguna, dengan Thailand, Indonesia dan VietNam mendominasi pengeluaran global. Walaupun permintaan terhadap getah asli kekal stabil, persaingan daripada getah sintetik serta ketidaktentuan ekonomi global memberi cabaran kepada pengeluar. Dalam masa yang sama, peningkatan permintaan terhadap produk mesra alam mendorong pengeluar getah untuk beralih kepada teknologi hijau dan pengeluaran getah lestari bagi menembusi pasaran yang lebih ketat dari segi peraturan alam sekitar.

Di peringkat antarabangsa, kejayaan Thailand dan Indonesia dalam memperkasakan pekebun kecil perlu dijadikan contoh. Kedua-dua negara ini menyediakan sistem sokongan menyeluruh seperti subsidi baja, penyelidikan benih getah yang lebih tahan penyakit serta latihan keusahawanan untuk membantu pekebun kecil menceburi industri hiliran. Malaysia juga perlu mengadaptasi pendekatan ini dengan memperluas akses kepada bantuan kewangan, memperkenalkan program latihan digitalisasi pertanian dan memperkukuh koperasi pekebun kecil agar mereka lebih berdaya saing dalam rantaian bekalan global.

Selain itu, Malaysia mempunyai potensi besar dalam memperkukuh industri getah melalui pelaburan dalam R&D. Usaha bagi membangunkan produk inovatif seperti bahan berprestasi tinggi untuk industri aeroangkasa dan perubatan perlu diperhebat. Pada masa yang sama, teknologi pertanian pintar seperti penderiaan jauh (*remote sensing*) dan kecerdasan buatan (AI) boleh dimanfaatkan bagi meningkatkan hasil serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh.





Dari segi pemberian insentif dan pembiayaan, Malaysia perlu memperkukuh sokongan kepada syarikat yang melabur dalam automasi dan industri hiliran. Akses kepada pembiayaan bagi pekebun kecil juga perlu diperluaskan agar mereka dapat mengadaptasi perubahan teknologi dan pasaran, sekali gus memastikan daya tahan mereka dalam sektor ini.

Melangkah ke hadapan, industri getah Malaysia perlu berorientasikan produk getah yang mempunyai nilai tambah dan kelestarian. Melalui strategi pemodenan dan pengukuhan kedudukan dalam pasaran antarabangsa, industri ini dapat kekal relevan dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Kejayaan sektor getah bukan sahaja memberi manfaat kepada pekebun dan pemain industri, malah turut menyumbang kepada ketahanan ekonomi Malaysia dalam menghadapi cabaran global.



Kesimpulan

Industri getah Malaysia kekal sebagai sektor strategik yang berpotensi tinggi, namun perlu melalui transformasi untuk kekal berdaya saing. Cabaran seperti ketidakpastian harga, persaingan getah sintetik dan kebergantungan kepada tenaga buruh asing memerlukan pendekatan yang lebih inovatif. Dasar seperti DAKN 2021-2030 telah menetapkan beberapa strategi bagi meningkatkan produktiviti, memajukan industri hiliran, dan menggalakkan penggunaan teknologi moden.

Di samping itu, bagi memastikan pertumbuhan mampan, Malaysia boleh mencontohi kejayaan negara jiran dalam memperkukuh sokongan kepada pekebun kecil, menarik pelaburan bernilai tinggi serta memanfaatkan permintaan global terhadap produk getah lestari dan berteknologi tinggi. Dengan mengadaptasi strategi ini, industri getah boleh terus menyumbang kepada ekonomi negara, meningkatkan daya saing pekebun kecil, dan memperkukuh kedudukan Malaysia dalam pasaran antarabangsa.





JADUAL STATISTIK

Jadual 1: Keluasan Kawasan Tanaman dan Pengeluaran Getah, Malaysia, 1970-2023

Tahun	Keluasan Kawasan Tanaman (‘000 hektar)	Pengeluaran (‘000 tan metrik)
1970	2,019.4	1,269.3
1971	2,016.0	1,318.6
1972	1,999.7	1,304.3
1973	1,990.9	1,542.5
1974	1,988.7	1,522.1
1975	1,991.6	1,454.5
1976	1,997.8	1,608.0
1977	1,999.2	1,584.8
1978	1,995.9	1,581.5
1979	1,953.4	1,565.2
1980	1,998.2	1,524.6
1981	2,000.0	1,504.8
1982	1,991.6	1,494.1
1983	1,971.0	1,563.7
1984	1,972.7	1,530.6
1985	1,955.4	1,469.4
1986	1,912.0	1,538.6
1987	1,881.2	1,578.7
1988	1,865.8	1,661.6
1989	1,849.0	1,415.6
1990	1,836.7	1,291.0
1991	1,818.7	1,255.7
1992	1,792.3	1,170.9
1993	1,762.8	1,074.3
1994	1,737.1	1,100.6
1995	1,688.8	1,087.5
1996	1,644.3	1,082.3

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 1: Keluasan Kawasan Tanaman dan Pengeluaran Getah, Malaysia, 1970-2023 (samb.)

Tahun	Keluasan Kawasan Tanaman ('000 hektar)	Pengeluaran ('000 tan metrik)
1997	1,616.5	971.1
1998	1,543.6	883.5
1999	1,464.8	777.8
2000	1,430.7	926.2
2001	1,389.3	882.0
2002	1,065.9	890.0
2003	1,021.3	985.7
2004	976.6	1,168.6
2005	957.8	1,126.0
2006	957.1	1,283.6
2007	976.2	1,199.6
2008	986.2	1,072.4
2009	1,015.1	857.0
2010	1,020.4	939.2
2011	1,027.0	996.2
2012	1,041.2	922.8
2013	1,058.8	826.4
2014	1,068.8	668.6
2015	1,074.4	722.1
2016	1,078.0	673.5
2017	1,081.7	740.1
2018	1,127.0	603.3
2019	1131.9	639.8
2020	1,139.1	514.7
2021	1,137.1	469.7
2022	1,136.1	377.0
2023	1,135.1	347.9

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 2: Keluasan Tanaman Getah Mengikut Jenis Pemilikan, 1970-2023

('000 hektar)

Tahun	Estet	Pekebun Kecil	Tahun	Estet	Pekebun Kecil
1970	677.0	1,342.4	1997	200.7	1,415.8
1971	659.2	1,356.8	1998	179.9	1,363.7
1972	638.0	1,361.7	1999	151.2	1,313.6
1973	612.3	1,378.6	2000	123.8	1,306.9
1974	596.6	1,392.1	2001	95.5	1,293.8
1975	583.4	1,408.2	2002	84.8	981.1
1976	573.1	1,424.7	2003	78.4	942.9
1977	558.5	1,440.7	2004	64.4	912.2
1978	541.5	1,454.4	2005	58.7	899.1
1979	525.6	1,427.8	2006	54.2	902.9
1980	506.1	1,492.1	2007	52.7	923.5
1981	493.3	1,506.7	2008	50.9	935.3
1982	481.9	1,509.7	2009	49.7	965.4
1983	477.5	1,493.5	2010	50.7	965.3
1984	454.8	1,517.9	2011	49.9	962.9
1985	428.8	1,526.6	2012	65.9	993.8
1986	399.4	1,512.7	2013	77.4	981.4
1987	381.5	1,499.8	2014	80.1	988.7
1988	371.1	1,494.7	2015	76.8	997.6
1989	361.0	1,488.0	2016	77.4	1,000.6
1990	348.7	1,488.0	2017	75.1	1,006.6
1991	333.4	1,485.3	2018	73.5	1,011.5
1992	314.1	1,478.2	2019	95.4	1,017.8
1993	292.5	1,470.3	2020	91.0	1,015.8
1994	275.0	1,462.1	2021	82.7	1,054.4
1995	255.7	1,433.1	2022	82.7	1,053.4
1996	223.9	1,420.4	2023	82.7	1,052.4

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 3: Pengeluaran Getah Asli Mengikut Jenis Pemilikan, 1970-2023

(‘000 hektar)

Tahun	Estet	Pekebun Kecil	Tahun	Estet	Pekebun Kecil
1970	631.3	638.0	1997	215.9	755.2
1971	672.1	646.5	1998	196.7	686.8
1972	670.0	634.3	1999	183.1	594.7
1973	684.6	857.9	2000	126.7	799.5
1974	666.3	855.8	2001	99.5	782.5
1975	587.2	867.3	2002	85.0	805.0
1976	657.8	950.2	2003	76.4	909.3
1977	633.6	951.2	2004	71.1	1,097.5
1978	624.8	956.7	2005	65.3	1,060.7
1979	611.7	953.5	2006	68.4	1,215.2
1980	591.5	933.1	2007	65.5	1,134.1
1981	578.5	926.3	2008	59.6	1,012.8
1982	562.2	931.9	2009	56.8	800.2
1983	547.5	1,016.2	2010	55.9	883.3
1984	518.1	1,012.5	2011	53.0	943.2
1985	504.3	965.1	2012	58.8	864.0
1986	497.5	1,041.1	2013	57.4	769.0
1987	490.6	1,088.1	2014	55.8	612.8
1988	481.1	1,180.5	2015	57.0	665.1
1989	432.8	982.8	2016	53.0	620.5
1990	396.6	894.4	2017	49.3	690.8
1991	366.2	889.4	2018	55.5	547.9
1992	333.0	837.9	2019	61.2	578.6
1993	296.3	778.0	2020	56.4	458.3
1994	271.3	829.3	2021	45.3	424.3
1995	240.7	846.8	2022	47.4	329.7
1996	237.9	844.4	2023	50.4	297.5

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 4: Keluasan Tanaman Getah Mengikut Wilayah, Malaysia, 2000-2023

('000 hektar)

Tahun	Jumlah	Semenanjung	Sabah	Sarawak
2000	1,430.7	1,185.0	87.4	158.3
2001	1,389.3	1,152.4	87.0	149.9
2002	1,348.8	1,139.1	63.4	146.3
2003	1,325.6	1,105.0	64.4	156.2
2004	1,278.8	1,057.3	64.8	156.7
2005	1,271.3	1,049.0	65.5	156.8
2006	1,263.6	1,042.6	65.4	155.6
2007	1,248.0	1,019.8	71.1	157.2
2008	1,247.0	1,018.8	71.1	157.2
2009	1,028.2	789.0	80.2	159.0
2010	1,020.4	772.7	87.1	160.6
2011	1,027.0	776.9	89.9	160.3
2012	1,041.2	771.6	101.8	167.8
2013	1,058.8	773.4	115.0	170.4
2014	1,068.8	778.6	117.0	173.1
2015	1,074.4	777.1	121.2	176.0
2016	1,078.0	770.5	123.4	184.0
2017	1,081.7	766.7	124.6	190.4
2018	1,127.0	766.9	167.9	192.2
2019	1,131.9	776.7	160.9	194.3
2020	1,139.1	774.1	170.7	194.3
2021	1,137.1	773.1	170.7	193.3
2022	1,136.1	772.1	170.7	193.3
2023	1,135.1	771.1	170.7	193.3

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 5: Pengeluaran Getah Asli Mengikut Wilayah, Malaysia, 2000-2023

('000 tan metrik)

Tahun	Jumlah	Semenanjung	Sabah	Sarawak
2000	927.6	n.a	n.a	n.a
2001	882.0	861.9	18.4	1.8
2002	889.8	871.3	16.6	2.1
2003	985.6	955.5	24.9	5.2
2004	1,168.7	1,106.8	45.9	15.8
2005	1,126.0	1,057.1	57.7	11.3
2006	1,283.6	1,211.8	62.6	9.2
2007	1,199.6	1,135.9	44.3	19.4
2008	1,072.4	992.4	47.4	32.5
2009	857.3	788.9	44.7	23.7
2010	939.2	864.8	40.0	34.5
2011	996.2	902.9	50.0	43.3
2012	922.8	836.5	54.0	32.3
2013	826.4	753.7	51.5	21.3
2014	668.6	625.7	34.5	8.4
2015	722.1	687.9	28.9	5.4
2016	673.5	638.5	28.1	6.9
2017	740.1	688.0	42.4	9.8
2018	603.3	564.4	32.7	6.3
2019	639.8	593.6	39.0	7.2
2020	514.7	470.0	40.2	4.5
2021	469.7	418.0	48.0	3.7
2022	377.0	329.1	45.0	2.9
2023	347.9	302.7	41.4	3.8

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 6: Statistik Utama Industri Estet Getah, Malaysia, 2000, 2015 dan 2022

Tahun	Bilangan Pertubuhan	Nilai Output asar (RM '000)	Nilai Input Perantaraan (RM'000)	Nilai Ditambah (RM'000)
2000	377	1,111,215	252,768	858,448
2015	265	843,429	287,779	555,651
2022	187	754,595	317,645	436,949

Sumber: Banci Ekonomi 2011, 2016 dan 2023, DOSM

Jadual 7: Statistik Utama Industri Pembuatan Produk Getah, Malaysia, 1970-2022

Tahun	Bilangan Pertubuhan	Nilai Output asar (RM '000)	Nilai Input Perantaraan (RM'000)	Nilai Ditambah (RM'000)
1970	44	103,623.0	59,170.1	44,452.8
1980	129	563,868.0	342,952.5	220,915.4
1990	145	1,709,370.0	950,500.7	758,870.0
2000	292	6,359,591.2	4,008,857.1	2,350,734.1
2010	432	16,883,977.3	12,599,279.1	4,284,698.2
2020	488	43,272,457.3	31,602,604.0	11,669,853.3
2022	817	72,602,969.7	51,860,531.9	20,742,437.8

Sumber: Banci Ekonomi pelbagai tahun, DOSM

Jadual 8: Statistik Utama Industri Pembuatan Produk Getah Mengikut Jenis Produk, Malaysia, 1970-2022

Tahun	Bilangan Pertubuhan	Nilai Output asar (RM '000)	Nilai Input Perantaraan (RM'000)	Nilai Ditambah (RM'000)
i) Pembuatan kasut getah				
1970	9	22.23	12.69	9.54
1980	20	81.23	50.52	30.71
1990	15	298.48	173.68	124.80
2000	17	29.33	23.86	5.47
2010	40	365.04	258.47	106.56
2020	28	611.26	414.83	196.42
2022	44	206.25	145.90	60.35
ii) Pembuatan tayar getah untuk kenderaan				
1970	24	56.53	32.28	24.25
1980	64	376.16	224.93	151.23
1990	49	730.57	404.91	325.66
2000	96	1,964.22	1,100.82	863.41
2010	92	2,948.25	2,414.13	534.12
2020	118	6,598.40	5,255.23	1,343.17
2022	197	3,203.95	2,308.23	895.72

Sumber: Banci Ekonomi pelbagai tahun, DOSM

Jadual 8: Statistik Utama Industri Pembuatan Produk Getah Mengikut Jenis Produk, Malaysia, 1970-2022 (samb.)

Tahun	Bilangan Pertubuhan	Nilai Output asar (RM '000)	Nilai Input Perantaraan (RM'000)	Nilai Ditambah (RM'000)
iii) Pembuatan sarung tangan getah				
1970	-	-	-	-
1980	-	-	-	-
1990	-	-	-	-
2000	88	3,361.49	2,177.77	1,183.72
2010	73	9,741.49	6,992.23	2,749.26
2020	129	27,149.77	19,925.54	7,224.23
2022	246	58,284.50	42,189.97	16,094.53
iv) Pembuatan produk getah lain yang t.t.t.l.				
1970	11	24.86	14.20	10.66
1980	45	106.48	67.50	38.98
1990	81	680.33	371.92	308.41
2000	91	1,004.55	706.41	298.14
2010	227	3,829.20	2,934.45	894.75
2020	213	8,913.03	6,007.01	2,906.02
2022	330	10,908.28	7,216.43	3,691.85

Sumber: Banci Ekonomi pelbagai tahun, DOSM

Jadual 9: Penggunaan Domestik Getah Asli Mengikut Industri, Malaysia, 1985-2023

('000 tan metrik)

Tahun	Jumlah	Industri tayar dan tiub	Membuat kasut getah	Membuat keluaran getah lain		
				Campuran getah	Gelang getah	Kepingan-kepingan getah
1985	69,642	19,658	4,409	4,894	1,884	3,097
1986	70,922	20,487	4,688	4,088	3,135	3,166
1987	82,453	25,493	4,640	5,026	3,775	3,598
1988	103,472	29,887	5,187	5,259	3,731	3,595
1989	121,773	29,715	5,584	6,860	3,710	3,838
1990	183,549	38,280	6,524	6,996	3,410	3,469
1991	216,050	42,859	5,902	7,207	3,261	2,904
1992	248,726	44,112	5,152	8,236	3,103	2,565
1993	261,350	44,027	4,785	619	3,509	3,092
1994	292,209	44,172	4,249	6,810	3,507	2,096
1995	327,439	48,330	4,270	6,814	3,445	3,818
1996	357,430	51,352	3,986	9,123	3,188	3,431
1997	326,898	53,718	4,184	8,143	3,391	4,211
1998	334,059	44,319	3,262	7,387	3,109	4,549
1999	344,447	50,447	3,333	8,841	2,803	4,988
2000	363,715	55,116	3,317	11,194	3,064	6,488
2001	400,888	60,536	3,272	9,386	3,569	6,269
2002	407,884	60,229	3,686	9,512	3,432	6,629
2003	420,775	76,148	2,545	9,447	2,611	6,934
2004	402,769	50,084	712	2,929	3,839	3,668

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 9: Penggunaan Domestik Getah Asli Mengikut Industri, Malaysia, 1985-2023 (samb.)

('000 tan metrik)

Tahun	Produk lateks			Produk getah lain	Semua industri pembuatan lain yang menggunakan getah asli
	Benang getah	Sarung tangan getah	Produk lateks lain		
1985	n.a	12,467	11,352	8,545	3,336
1986	n.a	13,482	10,335	7,158	4,383
1987	n.a	18,178	9,914	7,814	4,015
1988	n.a	31,945	11,390	7,934	4,544
1989	n.a	47,342	14,420	6,549	3,755
1990	n.a	62,972	49,651	8,460	3,787
1991	56,742	78,142	4,489	9,643	4,901
1992	50,231	115,379	6,651	7,832	5,465
1993	31,925	152,383	6,986	8,860	5,164
1994	43,570	161,871	7,887	12,363	5,684
1995	55,782	179,095	7,645	11,227	7,013
1996	73,709	191,770	6,931	8,133	5,807
1997	50,579	186,373	6,223	5,592	4,484
1998	52,353	204,131	6,184	5,756	3,009
1999	55,896	201,478	6,772	6,345	3,544
2000	64,189	201,159	8,132	6,571	4,485
2001	72,099	224,430	9,229	7,520	4,578
2002	78,049	224,644	10,595	7,091	4,017
2003	85,711	216,589	9,688	7,580	3,522
2004	66,638	228,513	12,353	30,513	3,520

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 9: Penggunaan Domestik Getah Asli Mengikut Industri, Malaysia, 1985-2023 (samb.)

('000 tan metrik)

Tahun	Jumlah	Industri tayar dan tiub	Membuat kasut getah	Membuat keluaran getah lain		
				Campuran getah	Gelang getah	Kepingan-kepingan getah
2005	386,472	47,884	607	2,293	2,728	3,579
2006	383,324	43,180	633	1,218	2,800	3,256
2007	450,246	52,579	560	1,118	2,256	2,509
2008	468,894	49,694	478	1,297	2,290	3,870
2009	468,706	37,063	494	962	1,843	3,837
2010	457,854	38,810	614	1,958	2,530	3,905
2011	402,078	31,602	671	1,436	2,334	4,356
2012	427,643	30,191	864	1,870	2,274	4,600
2013	434,192	28,922	885	1,674	2,429	3,768
2014	447,481	30,702	601	1,383	2,505	4,629
2015	474,773	37,059	522	1,487	2,393	4,390
2016	486,132	38,962	623	1,480	2,509	3,925
2017	488,933	38,111	513	1,576	2,529	5,345
2018	515,603	35,222	509	1,632	2,273	5,191
2019	515,466	35,386	559	1,675	2,311	5,171
2020	518,732	32,640	346	1,690	1,866	4,162
2021	501,963	31,259	388	1,418	1,930	5,583
2022	426,596	31,314	415	1,574	2,025	6,907
2023	310,398	25,603	343	1,566	1,729	4,194

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 9: Penggunaan Domestik Getah Asli Mengikut Industri, Malaysia, 1985-2023 (samb.)

('000 tan metrik)

Tahun	Produk lateks			Produk getah lain	Semua industri pembuatan lain yang menggunakan getah asli
	Benang getah	Sarung tangan getah	Produk lateks lain		
2005	62,341	225,612	15,529	22,444	3,455
2006	56,315	236,850	15,939	18,534	4,599
2007	60,533	285,420	21,376	18,927	4,968
2008	51,116	307,609	27,785	19,597	5,158
2009	57,961	316,711	24,927	19,845	5,063
2010	47,759	314,159	28,380	14,314	5,425
2011	44,160	273,129	27,021	11,679	5,690
2012	41,457	299,058	29,516	11,921	5,892
2013	41,170	304,107	33,931	11,679	5,627
2014	35,769	319,539	34,347	11,584	6,422
2015	39,756	349,031	23,233	11,248	5,654
2016	39,985	359,511	22,811	11,272	5,054
2017	44,462	358,333	21,727	11,055	5,282
2018	41,610	389,177	21,749	11,020	7,220
2019	39,968	391,007	20,116	10,831	8,442
2020	40,029	401,566	19,061	9,322	8,050
2021	43,593	380,488	19,005	8,996	9,303
2022	36,877	312,314	18,545	7,890	8,735
2023	29,800	218,807	16,328	7,776	4,252

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 10: Pengeluaran Pembuatan Produk Getah Mengikut Aktiviti, Malaysia, 1975-2023

(tan metrik)

Tahun	Pengilangan Semula Getah dan Prosesan Susu Getah	
	Getah Mutu Malaysia (semua gred)	Susu Getah Diproses
1975	308,071	141,152
1976	390,152	162,394
1977	400,477	168,517
1978	407,008	171,300
1979	410,103	170,259
1980	400,194	182,765
1981	446,765	172,694
1982	489,990	181,224
1983	489,252	188,639
1984	559,318	187,414
1985	532,366	199,375
1986	610,104	202,827
1987	738,442	234,570
1988	882,860	355,869
1989	793,836	297,037
1990	800,739	255,947
1991	705,603	285,921
1992	768,118	263,892
1993	722,385	291,773
1994	743,065	262,980
1995	803,154	247,085
1996	769,489	280,289
1997	805,404	228,406
1998	830,711	216,927
1999	872,109	220,392

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 10: Pengeluaran Pembuatan Produk Getah Mengikut Aktiviti, Malaysia, 1975-2023
(samb.)

(tan metrik)

Tahun	Pengilangan Semula Getah dan Prosesan Susu Getah	
	Getah Mutu Malaysia (semua gred)	Susu Getah Diproses
2000	944,596	217,771
2001	866,526	190,982
2002	911,410	193,789
2003	938,430	197,207
2004	935,291	197,677
2005	973,553	156,387
2006	1,059,804	183,400
2007	1,026,611	166,860
2008	899,047	133,995
2009	745,056	71,472
2010	872,183	74,913
2011	819,208	78,850
2012	899,792	67,094
2013	933,975	63,843
2014	787,865	44,747
2015	590,662	26,013
2016	664,835	48,696
2017	773,498	44,093
2018	874,609	26,197
2019	897,171	24,553
2020	972,584	33,471
2021	817,560	41,081
2022	686,809	45,853
2023	668,508	50,917

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 10: Pengeluaran Pembuatan Produk Getah Mengikut Aktiviti, Malaysia, 1975-2023
(samb.)

(tan metrik)

Tahun	Pengeluaran Tayar Getah untuk Kenderaan	
	Tayar Pneumatic (semua jenis)	Tiub Dalam (semua jenis)
1975	3,367	4,756
1976	4,261	5,130
1977	4,885	5,246
1978	4,638	5,793
1979	4,657	6,099
1980	4,634	6,169
1981	5,375	6,493
1982	4,010	5,199
1983	4,262	4,939
1984	3,700	4,487
1985	3,622	5,948
1986	3,846	6,923
1987	5,173	10,412
1988	6,222	11,562
1989	6,156	11,980
1990	6,794	12,224
1991	7,970	13,918
1992	8,540	12,775
1993	9,486	14,035
1994	10,156	14,753
1995	11,368	14,681
1996	12,221	17,434
1997	13,716	15,135
1998	13,567	11,836
1999	13,518	11,466

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 10: Pengeluaran Pembuatan Produk Getah Mengikut Aktiviti, Malaysia, 1975-2023
(samb.)

(tan metrik)

Tahun	Pengeluaran Tayar Getah untuk Kenderaan	
	Tayar Pneumatic (semua jenis)	Tiub Dalam (semua jenis)
2000	13,642	12,566
2001	13,118	13,273
2002	12,950	20,439
2003	15,096	25,339
2004	14,956	24,373
2005	14,040	22,290
2006	11,559	19,971
2007	13,416	20,963
2008	14,377	21,155
2009	13,098	14,549
2010	14,699	15,406
2011	14,865	15,401
2012	16,631	17,432
2013	15,215	13,326
2014	12,875	10,902
2015	12,183	7,863
2016	15,781	5,641
2017	15,190	5,370
2018	13,674	4,825
2019	13,334	3,307
2020	9,131	1,869
2021	8,261	1,426
2022	6,776	1,124
2023	4,753	788

Sumber: Perangkaan Getah Tahunan, DOSM

Jadual 10: Pengeluaran Pembuatan Produk Getah Mengikut Aktiviti, Malaysia, 1975-2023 (samb.)

(‘000 pasang)

